

**KEARIFAN TEMPATAN DALAM PENGHASILAN
MANIK OLEH SUKU KAUM LUN BAWANG :
KAJIAN KES DI LIMBANG, SARAWAK.**

**NUR SUFARINI BITI SUFARI
C22A0333**

UNIVERSITI
MALAYSIA

**IJAZAH SERJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KEARIFAN TEMPATAN DALAM PENGHASILAN
MANIK OLEH SUKU KAUM LUN BAWANG :
KAJIAN KES DI LIMBANG, SARAWAK.

OLEH :
NUR SUFARINI BINTI SUFARI

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat
Kelayakan Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan

Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2025


PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).



SEKATAN


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Tandatangan Penyelia Utama

NUR SUFARINI BINTI
SUFARI

DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED
ROSDI

Tarikh: 05 FEBRUARI 2026

Tarikh:

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya berjaya menyiapkan laporan projek tahun akhir saya yang bertajuk “Kearifan Tempatan dalam Penghasilan Manik oleh Suku Kaum Lun Bawang: Kajian Kes di Limbang, Sarawak” ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi atas bimbingan, tunjuk ajar, dan dorongan yang tidak berbelah bagi sepanjang tempoh penyediaan laporan projek akhir tahun ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada informan dan komuniti Lun Bawang di Limbang, khususnya para pembuat manik, penjaga adat, dan pencerita budaya, yang sudi meluangkan masa, berkongsi pengalaman, ilmu, dan kearifan tempatan mereka. Sumbangan mereka amat penting bagi kelangsungan kajian ini dan bagi mendokumentasikan seni manik sebagai warisan budaya yang bernilai tinggi.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada anggota keluarga saya, atas sokongan, doa, dan dorongan yang tidak putus-putus, yang telah memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Begitu juga kepada rakan-rakan dan pihak institusi, yang banyak membantu dari segi kemudahan, maklumat, dan motivasi sepanjang tempoh penyelidikan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KEARIFAN TEMPATAN DALAM PENGHASILAN MANIK OLEH SUKU KAUM LUN BAWANG : KAJIAN KES DI LIMBANG, SARAWAK.

ABSTRAK

Laporan projek tahun akhir ini bertujuan untuk mengkaji kearifan tempatan dalam penghasilan seni manik oleh suku kaum Lun Bawang di Limbang, Sarawak. Kajian ini menumpukan perhatian terhadap jenis-jenis perhiasan manik, teknik penghasilan, motif dan warna, serta nilai simbolik yang terkandung dalam setiap rekaan seni manik tradisional. Pendekatan kajian yang digunakan melibatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif, antaranya temu bual dengan informan terpilih, pemerhatian lapangan, serta analisis dokumentasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seni manik masyarakat Lun Bawang bukan sekadar berfungsi sebagai perhiasan estetik, malah berperanan penting dalam mencerminkan identiti budaya, status sosial, dan kepercayaan tradisional masyarakat tersebut. Walaupun terdapat perubahan dari segi motif dan reka bentuk selaras dengan perkembangan semasa, nilai simbolik dan teknik tradisional penghasilan manik masih dikekalkan. Laporan projek tahun akhir ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha pendokumentasian dan pelestarian warisan budaya tak ketara, khususnya seni manik masyarakat Lun Bawang, serta menjadi rujukan kepada pengkaji, pelajar, dan pihak berkepentingan dalam bidang warisan budaya dan seni kraf tradisional di Sarawak.

Kata kunci: seni manik, Lun Bawang, kearifan tempatan, Limbang, warisan budaya.

**LOCAL KNOWLEDGE IN BEAD PRODUCTION BY THE LUN BAWANG TRIBE: A
CASE STUDY IN LIMBANG, SARAWAK.**

ABSTRACT

This final-year project report aims to study local wisdom in the production of bead art by the Lun Bawang tribe in Limbang, Sarawak. This study focuses on the types of bead ornaments, production techniques, motifs, and colors, as well as the symbolic value contained in each traditional bead art design. The research approach used involves qualitative and quantitative methods, including interviews with selected informants, field observations, and documentation analysis. The study findings show that the bead art of the Lun Bawang community does not just function as aesthetic ornaments but also plays an important role in reflecting the cultural identity, social status, and traditional beliefs of the community. Although there are changes in terms of motifs and designs in line with current developments, the symbolic value and traditional bead production techniques are still maintained. This final-year project report is expected to contribute to efforts to document and preserve the intangible cultural heritage, especially the bead art of the Lun Bawang community, as well as serve as a reference for researchers, students, and stakeholders in the field of cultural heritage and traditional crafts in Sarawak.

Keywords: bead art, Lun Bawang, local wisdom, Limbang, cultural heritage.

ISI KANDUNGAN

BAB I PENDAHULUAN	HALAMAN
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang	3-5
1.3 Permasalahan Kajian	6-7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8-9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.7.1 Individu	9-10
1.7.2 Masyarakat	10
1.7.3 Negara	10
1.8 Kesimpulan	11
 BAB II SOROTAN KAJIAN	 HALAMAN
2.1 Pengenalan	12
2.2 Sorotan Kajian	12-13
2.3 Kearifan Tempatan	14-15
2.4 Sejarah Suku Kaum Lun Bawang	15-16
2.5 Manik Dalam Budaya Suku Kaum Lain di Malaysia	16-17
2.6 Manik Dalam Budaya Suku Kaum Lun Bawang	17-18
2.7 Motif Dan Corak Manik Dalam Budaya Suku Kaum Lain di Malaysia	18-20
2.8 Motif Dan Corak Manik Dalam Budaya Suku Kaum Lun Bawang	20-21
2.9 Kerangka Teori	21
2.9.1 Teori Simbolik	21-22
2.9.2 Aplikasi Teori Simbolik Dalam Kajian	22-23
2.10 Kesimpulan	23-24

BAB III METODOLOGI KAJIAN	HALAMAN
3.1 Pengenalan	25
3.2 Pendekatan Kajian	25-26
3.3 Reka Bentuk Kajian	27
3.3.1 Kaedah Kualitatif	27-28
3.4 Pengumpulan Data	28-29
3.4.1 Data Primer	29
i. Kaedah Temu Bual	29-30
3.4.2 Data Sekunder	30
i. Kaedah Kepustakaan	30
ii. Kaedah Internet	31
3.5 Teknik Pensempelan	31-32
3.6 Alat Bantu Kajian	32
i. Telefon Bimbit	32-33
ii. Buku Catatan	33
3.7 Analisis Data	33-34
3.7.1 Tematik	34-36
3.8 Kesimpulan	36-37

BAB IV DAPATAN KAJIAN	HALAMAN
4.1 Pengenalan	38
4.2 Temu Bual	39
4.3 Sejarah Seni Manik Lun Bawang	40-41
4.4 Jenis Perhiasan Seni Manik Lun Bawang	41-42
4.4.1 Jenis Perhiasan dan Fungsi	42-44
4.4.2 Perubahan Fungsi dan Komersialisasi	44-46
4.4.3 Perbezaan Jenis Manik Mengikut Jantina	46-47
4.4.4 Bahan dan Teknik Pembuatan	48
4.4.5 Bahan dan Teknik Pembuatan	49-50
4.4.6 Corak, Motif dan Semiotik Budaya	50-53

4.5 Kearifan Tempatan Dalam Penghasilan Seni Manik Lun Bawang	53-54
4.5.1 Warisan dan Pemindahan Ilmu	54-56
4.5.2 Proses Penghasilan dan Nilai Estetika	56-58
4.5.3 Simbolisme Warna, Corak dan Jantina	58-62
4.5.4 Transformasi dan Kelestarian Seni Manik	63-64
4.6 Langkah-langkah Melestarikan Seni Manik Lun Bawang	64-65
4.6.1 Pameran dan Bengkel Sebagai Medium Pemeliharaan	65-66
4.6.2 Peranan Generasi Muda dalam Kelestarian Seni Manik	66-67
4.6.3 Sokongan NGO dan Kerajaan dalam Memperkukuhan Kelestarian	68-69
4.6.4 Pengkomersialan dan Pemodenan Motif	69-70
4.6.5 Cadangan Penubuhan Bengkel Penghasilan Manik Secara Meluas	70-72
4.7 Kesimpulan	72-73
BAB V PENUTUP	HALAMAN
5.1 Pengenalan	74
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	74
5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1 : Jenis Perhiasan Seni Manik Suku Kaum Lun Bawang	74-75
5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2 : Peranan Kearifan Tempatan Dalam Penghasilan Seni Manik Suku Kaum Lun Bawang	75-76
5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3 : Langkah-langkah Untuk Melestarikan Seni Manik uku Kaum Lun Bawang	77-78
5.3 Cadangan	78-79
5.4 Kesimpulan	80-81
RUJUKAN	82-85
LAMPIRAN	86-90

SENARAI GAMBAR

NO.GAMBAR		MUKA SURAT
Gambar 1	Hiasan Kepala Kaum Lun Bawang	5
Gambar 2	Perhiasan Rantai Kaum Lun Bawang	5
Gambar 3	Peta Kajian	8
Gambar 4	Komuniti Lun Bawang	40
Gambar 5	Contoh Susunan Warna Manik Bahagian Kepala	43
Gambar 6	Contoh Gabungan Warna dalam Hiasan Rantai	44
Gambar 7	Perhiasan Seni Manik Beret (tali pinggang)	52

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		MUKA SURAT
Jadual 1	Maklumat Informan	39

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH		MUKA SURAT
Rajah 1	Proses Tematik	34

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Warisan budaya merupakan tunjang utama dalam mencorakkan identiti dan jati diri sesebuah masyarakat, lebih-lebih lagi bagi komuniti peribumi yang kaya dengan nilai tradisi dan kebijaksanaan tempatan yang diwarisi turun-temurun. Menurut Zawawi (2020), kesenian kraf seperti penghasilan manik bukan sekadar berfungsi sebagai perhiasan luaran semata-mata, malah sarat dengan simbolisme, nilai spiritual, serta pengertian sosial yang mendalam yang mencerminkan falsafah hidup dan sistem kepercayaan masyarakat penghasilnya. Dalam konteks ini, masyarakat Lun Bawang yang mendiami wilayah Limbang, Sarawak, merupakan antara kelompok etnik yang masih teguh mempertahankan warisan pembuatan manik sebagai lambang kearifan nenek moyang dan identiti budaya yang tidak lapuk ditelan zaman.

Sarawak merupakan negeri yang paling luas di Malaysia, terletak di bahagian barat laut pulau Borneo yang kaya dengan khazanah semula jadi. Dengan keluasan menjangkau sekitar 124,450 kilometer persegi menurut Jabatan Penerangan Malaysia, (2022), negeri ini berkongsi sempadan darat dengan Sabah di timur laut, negara Brunei Darussalam di utara, serta Kalimantan, Indonesia di sebelah selatan. Keunikan geografi Sarawak terserlah melalui lanskap semula jadinya yang pelbagai, meliputi garis pantai yang memanjang, dataran rendah yang subur, aliran sungai yang mengalir merentasi wilayahnya, dan rimba tropika yang menyimpan kekayaan biodiversiti yang tidak ternilai.

Selain itu, Sarawak sememangnya tersohor sebagai sebuah negeri yang kaya dengan warisan etnik, budaya serta kepelbagaian linguistik. Keistimewaan negeri ini terserlah menerusi kewujudan lebih daripada 27 kumpulan etnik utama yang mendiami pelbagai kawasan, merangkumi bandar-bandar moden, pesisiran pantai yang damai hinggalah ke pedalaman yang kekal terpelihara keasliannya. Gabungan masyarakat yang berbilang kaum

ini membentuk satu landskap sosial yang harmoni, menjadikan Sarawak contoh unggul dalam mempamerkan nilai toleransi, perpaduan dan keharmonian budaya dalam kerangka Malaysia yang majmuk.

Menurut Said, (2017) seni manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang bukan sekadar cerminan kehalusan seni dan kemahiran pertukangan, malah turut menjadi wadah yang menyimpan pelbagai naratif yang bermakna berkaitan kepercayaan spiritual, hierarki sosial, serta hubungan akrab manusia dengan alam semula jadi. Pernyataan ini juga turut disokong oleh Hazman (2020), beliau berpendapat bahawa keunikan proses pembuatannya yang berasaskan bahan-bahan semula jadi seperti tanah liat dan batuan tempatan bukan sahaja mencerminkan kepekaan mereka terhadap alam sekitar, tetapi juga menzahirkan bentuk kearifan tempatan yang telah lama berakar dalam budaya mereka dihayati melalui amalan lisan, pemerhatian, dan pengalaman hidup yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

Etnik Lun Bawang yang berada di kawasan Limbang, Sarawak kaya dengan penghasilan kraf tangan tradisional yang telah diturunkan sejak berzaman. Kraf manik tradisional Lun Bawang, mempunyai nilai estetika yang tinggi dalam etnik mereka. Bagi kaum Lun Bawang, seni manik ini mempunyai nilai yang tinggi dan boleh menyaingi harga barangan kemas yang dipakai oleh para wanita masa kini. Seni manik ini diangkat sebagai satu warisan nenek moyang mereka yang perlu diteruskan kerana kraf manik ini telah digunakan sejak sekian lama, serta penghasilan seni manik ini hasil buatan kaum Lun Bawang sendiri mengikut cita rasa, fesyen, serta mengaplikasikan motif-motif tradisi suku kaum mereka.

Dalam arus globalisasi dan pemodenan yang semakin deras, seni tradisional seperti penghasilan manik etnik kian berdepan dengan ancaman kepupusan akibat perubahan gaya hidup, peralihan nilai generasi muda serta penyerapan pengaruh budaya luar yang begitu ketara. Justeru, usaha pendokumentasian dan penyelidikan secara mendalam terhadap warisan seni ini amatlah signifikan bagi memastikan ia terus dihargai, dipelihara dan diwarisi oleh generasi mendatang. Menurut Munan (2025), lebih daripada sekadar

perhiasan, penghasilan manik kini turut dilihat sebagai medium berpotensi dalam menjana ekonomi komuniti melalui aktiviti pengkomersialan dan pelancongan budaya yang berteraskan identiti tempatan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menyelami dan mendokumentasikan jenis-jenis perhiasan manik masyarakat Lun Bawang, menyingkap nilai-nilai kearifan tempatan yang terpancar dalam proses penghasilannya, serta mengemukakan langkah-langkah strategik bagi memastikan kelestariannya sebagai sebahagian daripada khazanah budaya negara yang tidak ternilai harganya.

1.2 LATAR BELAKANG

Warisan budaya ibarat khazanah yang tidak ternilai harganya, membentuk akar tunjang kepada identiti, nilai, serta jati diri sesuatu masyarakat. Bagi komuniti peribumi yang sarat dengan tradisi dan sejarah, unsur budaya seperti bahasa, adat resam, kepercayaan serta seni kraf bukan sahaja berfungsi sebagai penanda etnik, malah menjadi saluran utama dalam pewarisan ilmu dan kearifan tempatan yang mencerminkan hubungan simbiotik antara manusia dan alam sekitar menurut Ibrahim (2017). Pernyataan ini juga turut disokong oleh Sillitoe (1998) dimana menurut beliau kearifan tempatan ini merupakan hasil pengumpulan ilmu pengetahuan yang dikerjakan melalui pengalaman hidup, pemerhatian teliti terhadap alam, serta adaptasi berterusan terhadap persekitaran, lalu diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya secara lisan dan kehidupan harian.

Dalam ranah warisan budaya tersebut, seni kraf tradisional muncul sebagai manifestasi nyata kepada kebijaksanaan komuniti. Antara yang menonjol ialah seni penghasilan manik yang masih dipelihara oleh masyarakat Lun Bawang di Limbang, Sarawak. Menurut Hazman (2020), manik-manik ini bukan sekadar berperanan sebagai perhiasan fizikal, malah sarat dengan makna spiritual, simbolisme budaya, serta nilai estetika yang halus. Pemilihan warna, susunan motif, dan penggunaan bahan semula jadi seperti tanah liat, batuan sungai dan kayu tempatan memperlihatkan keterikatan masyarakat

ini terhadap alam sekitar dan sistem kepercayaan kosmologi mereka yang telah berakar umbi sejak turun-temurun.

Penelitian terdahulu turut mendedahkan bahawa jenis-jenis manik seperti banih (rantai), gelang, empeta (hiasan kepala) dan beret (tali pinggang) bukan sahaja digunakan dalam konteks perhiasan, tetapi membawa makna yang lebih mendalam, antaranya sebagai penanda status sosial, simbol kematangan, identiti jantina dan elemen kepercayaan spiritual masyarakat Lun Bawang menurut Suut (2022). Malah, manik turut memainkan peranan penting dalam ritual, perayaan adat dan sebagai medium penghormatan kepada nenek moyang serta roh leluhur, menjadikannya sebahagian daripada naratif budaya yang kaya dengan makna tersirat.

Namun demikian, dalam peredaran masa dan pembangunan moden, seni pembuatan manik tradisional semakin dipinggirkan. Pernyataan ini turut disokong oleh Ibraim (2017), menurut beliau perubahan gaya hidup, pengaruh budaya luar, kekangan ekonomi serta kekurangan pewaris muda yang berminat mengancam kelangsungan amalan ini. Malah, kepupusan sumber semula jadi turut menjadi halangan kepada penghasilan manik secara autentik. Hal ini menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan seni ini sebagai satu entiti warisan budaya yang tulen dan bermakna.

Justeru, usaha mendokumentasi dan mengkaji seni manik Lun Bawang dari sudut kearifan tempatan menjadi suatu keperluan yang mendesak. Kajian ini bukan sahaja berhasrat menelusuri jenis-jenis manik yang dihasilkan, bahkan cuba menyingkap nilai-nilai budaya, simbolisme serta proses pewarisan yang terkandung di dalamnya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mencadangkan strategi pelestarian yang sesuai dengan konteks komuniti tempatan agar seni ini dapat terus hidup dan dihargai generasi akan datang.

Dengan memfokuskan kepada masyarakat Lun Bawang di Limbang sebagai kes kajian, penyelidikan ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif yang bersifat interpretatif. Melalui dapatan yang diperolehi, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan bermakna dalam memperkukuh usaha pemeliharaan warisan budaya tidak ketara

(*intangible heritage*), serta menyemarakkan semula minat terhadap seni tradisional yang berakar kuat dalam identiti etnik dan sejarah negara.



Gambar 1 : Gambar 1 merupakan empeta iaitu hiasan kepala yang digunakan oleh kaum perempuan dalam menyambut perayaan bagi masyarakat Lun Bawang.

Sumber : *Google Images*



Gambar 2 : Gambar di atas merujuk kepada banih iaitu rantai dan ini merupakan contoh perhiasan rantai seni manik Lun Bawang.

Sumber : *Google Images*

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Seni kraf tradisional merupakan antara komponen penting dalam warisan budaya tidak ketara yang menyimpan pelbagai nilai, simbolisme dan pengetahuan Masyarakat tempatan. Dalam kalangan komuniti peribumi seperti Lun Bawang, penghasilan manik bukan sekadar dihasilkan sebagai perhiasan semata-mata, malah menjadi wadah yang memanifestasikan identiti etnik, nilai spiritual, serta struktur sosial yang diwarisi secara turun-temurun menurut Said (2017). Namun begitu, menurut Hassan & Yusof (2021), peralihan zaman yang disertai dengan gelombang globalisasi dan modenisasi semakin menghakis amalan seni tradisional ini. Kepesatan teknologi dan perubahan corak kehidupan menyumbang kepada kemerosotan minat dalam kalangan generasi muda, di samping ketiadaan usaha dokumentasi sistematik yang menyebabkan warisan ini semakin dilupakan.

Situasi ini menjadi lebih membimbangkan apabila penghasilan manik yang suatu ketika dahulu merupakan sebahagian daripada identiti budaya masyarakat Lun Bawang kini semakin kurang diamalkan. Pernyataan ini turut disokong oleh Hazman (2020), menurut beliau tradisi pewarisan secara lisan sebagai saluran utama pengetahuan dan kemahiran juga kian terpinggir, terutama apabila generasi muda lebih cenderung kepada budaya popular luar berbanding warisan leluhur mereka sendiri. Ini secara tidak langsung menjadikan makna-makna simbolik di sebalik motif manik dan reka bentuknya semakin kabur serta sukar difahami dalam konteks masyarakat masa kini.

Tambahan pula, terdapat kekurangan dalam penyelidikan terdahulu yang meneliti secara mendalam dan menyeluruh aspek seni manik masyarakat Lun Bawang termasuk nilai kearifan tempatan, konteks budaya, dan sistem simbolik yang terkandung di dalamnya. Menurut Suut (2022), kebanyakan kajian sebelum ini hanya menumpukan kepada aspek permukaan seperti bentuk fizikal atau sejarah ringkas tanpa membongkar nilai budaya yang mendalam.

Oleh itu, kajian ini diadakan bagi menangani kekurangan tersebut dengan meneliti

secara holistik kearifan tempatan yang terkandung dalam penghasilan seni manik suku kaum Lun Bawang. Kajian ini juga bertujuan untuk memahami nilai budaya dan sistem simbolik yang diwarisi melalui amalan seni tersebut serta merangka strategi pelestarian yang bersesuaian dan berkesan untuk kelangsungan warisan ini dalam persekitaran yang semakin moden. Pernyataan ini turut disokong oleh Warren (1991), menurut beliau sekiranya tiada usaha sistematik dilakukan, seni manik ini berisiko tinggi untuk pupus dan seterusnya menyebabkan kehilangan salah satu warisan budaya negara yang berharga.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan yang dapat dikenal pasti berdasarkan kepada beberapa objektif yang hendak dicapai iaitu:

1. Apakah jenis perhiasan manik suku kaum Lun Bawang di Sarawak?
2. Bagaimanakah peranan kearifan tempatan suku kaum Lun Bawang dalam penghasilan seni manik?
3. apakah langkah-langkah untuk melestarikan seni manik suku kaum Lun Bawang?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kearifan tempatan dalam penghasilan manik oleh suku kaum Lun Bawang di Limbang, Sarawak dan bagi mencapai tujuan kajian ini tiga objektif telah dibentuk iaitu:

1. Mengenal pasti jenis perhiasan manik suku kaum Lun Bawang di Sarawak
2. Mengkaji peranan kearifan tempatan suku kaum Lun Bawang dalam penghasilan seni manik.
3. Membincangkan langkah-langkah untuk melestarikan seni manik suku kaum Lun Bawang.

1.6 SKOP KAJIAN

Lokasi penghasilan seni kraf tangan manik ini berada di kawasan Daerah Limbang. Daerah Limbang merupakan sebuah daerah yang terdapat di bahagian Sarawak. Ia terletak di sepanjang Sungai Limbang di bahagian utara Pulau Borneo dan berada antara dua bahagian Brunei.



Gambar 3 : Gambar di atas merujuk kepada peta bagi kawasan kajian di Pekan Limbang.

Sumber : *Google Images*

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan tentang penghasilan serta keunikan corak manik yang terdapat di kawasan Limbang, Sarawak. Kajian ini juga memfokuskan kepada individu yang menghasilkan manik bagi mengetahui cara pembuatan dan bahan yang digunakan serta corak seni kraf tangan ini. Akhir sekali, kajian ini bertujuan mengetahui peranan suku kaum Lun Bawang dalam usaha untuk mengekalkan seni kraf tangan manik mereka.

Kajian ini akan mengenal pasti pelbagai jenis perhiasan manik yang dihasilkan dan digunakan oleh masyarakat Lun Bawang. Antara jenis perhiasan tersebut termasuklah rantai, gelang, ikat kepala, hiasan pakaian, dan perhiasan lain yang mempunyai nilai estetika dan simbolik tertentu. Kajian ini juga menelusuri fungsi dan makna setiap jenis

manik dalam konteks sosial dan budaya, sama ada ia digunakan untuk upacara tertentu, sebagai lambang status sosial, atau semata-mata sebagai perhiasan harian.

Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji atau meneliti elemen kebijaksanaan tempatan masyarakat Lun Bawang dalam proses penghasilan seni manik tradisional. Aspek yang dikaji termasuklah motif dan simbol yang digunakan serta makna di sebaliknya, bahan-bahan tempatan, kaedah dan teknik tradisional yang diwarisi turun-temurun, termasuk corak tenunan dan susunan manik. Kajian ini juga akan melihat bagaimana pengetahuan ini dipelihara, diturunkan secara lisan, dan digunakan sebagai identiti serta simbol jati diri etnik Lun Bawang.

Akhir sekali, kajian ini juga akan meneliti Langkah-langkah serta inisiatif dan cadangan yang boleh diambil untuk melestarikan seni kraf manik dalam komuniti Lun Bawang. Skop ini meliputi usaha individu, komuniti, dan agensi kerajaan dalam memperkenalkan seni manik ke peringkat lebih luas seperti festival etnik, muzium, dan program pelancongan budaya. Cabaran dalam pemuliharaan seni manik seperti pengaruh kemodenan, kehilangan minat generasi muda, dan pemansuhan adat lama.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini, kajian ini juga merujuk kepada panduan terhadap individu, masyarakat dan negara. Antara kepentingan kajian ini adalah :

1.7.1 Individu

Dalam kajian ini, pengkaji dapat mengetahui sejarah seni kraf tangan manik suku kaum Lun bawang selain mengetahui motif-motif manik suku kaum Lun Bawang yang unik serta bernilai dalam pembuatan seni kraf tangan. Hal ini kerana, bahan yang digunakan dalam penghasilan pembuatan manik, adalah seperti tanah liat melalui proses pembakaran.

Kajian ini juga dilakukan bagi memberikan pendedahan kepada pengkaji akan kepentingan seni kraf tangan.

1.7.2 Masyarakat

Dalam penyelidikan ini, ia juga penting terhadap komuniti untuk mengetahui tentang penghasilan seni warisan kraf tangan. Selain itu, masyarakat juga dapat mengetahui nilai atau keunikan manik yang dihasilkan oleh suku kaum Lun Bawang ini. Hal ini kerana, dalam kemajuan teknologi pada masa kini, masyarakat kurang mengetahui tentang kesenian seni kraf tangan manik oleh suku kaum Lun Bawang serta kurang mengetahui motif-motif yang digunakan dalam penghasilan manik tersebut. Seterusnya, melalui cara pemeliharaan yang dilaksanakan oleh seniman kraf tangan dalam memastikan hasil manik tersebut sentiasa dalam keadaan yang baik dan berkualiti dapat memberi panduan kepada masyarakat untuk memelihara warisan seni kraf tangan manik termasuklah dalam suku kaum Lun Bawang.

1.7.3 Negara

Akhir sekali, kajian ini juga memberikan kepentingan terhadap negara. Hal ini kerana, ia dapat memberikan kesedaran terhadap pihak yang berkepentingan dalam mengekalkan seni kraf tangan manik oleh suku kaum Lun Bawang ini daripada dilupakan. Selain itu, ia juga memberi kesan dalam sektor pelancongan budaya kerana ia memberikan impak positif yang signifikan dalam pelancongan negara kerana dapat menarik perhatian pelancong asing atas keindahan manik tersebut

1.8 KESIMPULAN

Melalui hasil kajian ini, pengkaji menekankan betapa pentingnya seni kraf tangan manik suku kaum Lun Bawang di Limbang, Sarawak sebagai satu bentuk kearifan tempatan yang bernilai tinggi. Penghasilan manik bukan sekadar satu hasil seni atau perhiasan, tetapi mencerminkan identiti budaya, nilai spiritual, serta warisan turun-temurun masyarakat Lun Bawang yang unik. Dalam era kemodenan ini, seni kraf seperti ini semakin terpinggir akibat kurangnya pendedahan dan minat daripada generasi muda, serta kekangan maklumat yang terbatas tentang etnik minoriti ini.

Akhir sekali, kajian ini membawa manfaat kepada pelbagai pihak. Bagi individu, ia memberi ilmu dan kesedaran tentang nilai warisan budaya; kepada masyarakat, ia menyuntik semangat untuk menghargai dan memelihara tradisi; manakala kepada negara, ia membuka ruang untuk memperkasa pelancongan budaya dan mempertahankan khazanah seni rakyat tempatan sebagai sebahagian daripada identiti nasional. Oleh itu, usaha berterusan dalam mendokumentasi, mempromosikan dan memindahkan pengetahuan ini kepada generasi muda amatlah penting agar seni kraf manik Lun Bawang terus berkembang dan dihargai oleh semua lapisan masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Bab dua ini menerangkan kajian lepas bagi tujuan mendapatkan maklumat serta ulasan yang dikaji pengkaji terdahulu. Maklumat ini dapat dicari melalui keratan akhbar, artikel dan sebagainya. Melalui penulisan ini dapat membantu pengkaji sepanjang menjalankan projek penyelidikan ini. Bab ini juga dapat menyokong objektif dalam sesebuah kajian.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Kajian-kajian lepas telah memberikan tumpuan yang signifikan terhadap kebijaksanaan masyarakat Lun Bawang dalam mengaplikasikan kearifan tempatan dalam penghasilan seni manik, yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya mereka. Hasil seni ini bukan sahaja berperanan sebagai elemen perhiasan, tetapi juga mencerminkan identiti, sistem nilai, serta hubungan spiritual masyarakat dengan alam sekitar.

Menurut Hazman (2020), masyarakat Lun Bawang di Lawas, Sarawak menunjukkan kebijaksanaan dalam mengaplikasikan sumber alam semula jadi, khususnya tanah liat, sebagai bahan utama dalam penghasilan manik seramik. Pendekatan ini bukan sahaja memperlihatkan kefahaman mendalam terhadap sifat dan potensi bahan tempatan, malah turut mencerminkan identiti budaya komuniti melalui adaptasi motif tradisional yang berteraskan nilai estetika dan simbolisme etnik.

Selain itu, menurut Said (2017), beliau menegaskan bahawa motif-motif tradisional dalam seni manik masyarakat Lun Bawang tidak sekadar berperanan sebagai elemen hiasan semata-mata, tetapi turut berfungsi sebagai simbol visual yang sarat dengan nilai-nilai spiritual, kepercayaan adat, serta falsafah hidup komuniti tersebut. Susunan corak yang dihasilkan mencerminkan hubungan erat antara manusia dan alam, sekali gus

memperlihatkan pemikiran kosmologi yang terpancar dalam penghasilan seni manik mereka.

Manakala, menurut Suut, Ibrahim & Sahibil (2022) dalam kajian mereka mengenai motif anyaman ugam (tikar) masyarakat Lun Bawang mendapati bahawa rekaan motif tersebut banyak dipengaruhi oleh elemen alam semula jadi, bentuk geometri serta objek hasil ciptaan manusia. Meskipun kajian tersebut memberi tumpuan kepada kraf anyaman, penemuan ini secara tidak langsung memberi gambaran terhadap prinsip estetika tradisional Lun Bawang yang turut diaplikasikan dalam penghasilan seni manik. Penyusunan motif yang berasaskan simetri, variasi dan keseimbangan bukan sahaja memperlihatkan ketelitian dalam aspek seni visual, tetapi juga membawa makna simbolik yang berkait rapat dengan kepercayaan animisme dan amalan budaya seharian komuniti tersebut.

Munan (2025), dalam artikel *terbitan BEADS: Journal of the Society of Bead Researchers*, melaporkan bahawa masyarakat Lun Bawang kini giat mengusahakan penghasilan manik berasaskan tanah liat sebagai produk komersial yang dipasarkan untuk kegunaan majlis tidak rasmi dan sebagai cenderamata. Inisiatif ini bukan sahaja membuka peluang ekonomi kepada komuniti pembuat manik, malah turut berperanan sebagai mekanisme penting dalam usaha pemuliharaan dan kelangsungan warisan budaya yang telah diwarisi turun-temurun.

Secara keseluruhannya, dapatan daripada kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa seni manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang bukan sekadar hasil kraf tangan, tetapi merupakan suatu bentuk ekspresi budaya yang sarat dengan nilai estetika, spiritual dan identiti etnik. Sorotan kajian ini turut memperkukuh tiga aspek utama penyelidikan ini, iaitu penggunaan bahan semula jadi sebagai sumber utama dalam penghasilan manik, simbolisme dan makna yang terkandung dalam motif tradisional, serta sumbangan seni manik terhadap aspek sosioekonomi dan usaha pemeliharaan warisan budaya komuniti tersebut.

2.3 KEARIFAN TEMPATAN

Istilah kearifan tempatan berasal daripada dua perkataan dalam bahasa Inggeris, iaitu *local* yang membawa maksud setempat, dan *wisdom* yang merujuk kepada kebijaksanaan atau hikmah. Secara umumnya, menurut Giska (2013), kearifan tempatan boleh difahami sebagai pengetahuan dan kebijaksanaan yang berakar umbi dalam sesebuah komuniti, mengandungi nilai-nilai positif serta diamalkan dan diwarisi oleh masyarakat. Manakala menurut Suhartini (2009), kearifan tempatan juga boleh ditakrifkan sebagai kebijaksanaan yang terbentuk melalui interaksi masyarakat dengan persekitaran mereka. Selain itu, kearifan tempatan merujuk kepada amalan dan nilai yang menjadi panduan kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan harian serta dalam hubungan mereka dengan orang lain dan alam sekitar.

Pernyataan ini turut dikongsi oleh Aslan (2017) beliau menyatakan bahawa istilah *local wisdom* mempunyai maksud yang sepadan dengan *local knowledge* dan *local genius*. Beliau merujuk istilah kearifan tempatan sebagai gambaran terhadap budaya yang dipegang oleh sesuatu komuniti, diwarisi turun-temurun dan dijadikan rujukan dalam kehidupan. Kearifan ini merupakan satu bentuk warisan yang merangkumi aspek keagamaan, kebudayaan serta adat resam masyarakat. Selain itu, Nunung & Muslim (2016) pula berpendapat bahawa kearifan tempatan merujuk kepada kebijaksanaan yang timbul daripada hubungan antara manusia dengan alam sekitar dan berperanan penting dalam menangani pelbagai isu khususnya yang berkaitan dengan masalah sosial hasil interaksi antara manusia. Kebijaksanaan ini menjadi teladan serta diwarisi oleh generasi akan datang.

Manakala, Hasbullah (2012), pula mentakrifkan kearifan tempatan sebagai pengetahuan praktikal yang lahir daripada rutin kehidupan seharian dan diwariskan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Ia berakar daripada nilai tradisi serta ajaran agama. Unsur-unsur kearifan ini dapat dikenal pasti dalam bentuk seperti lagu-lagu tradisional, peribahasa, petua, semboyan dan juga teks-teks lama yang menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat.

Kearifan tempatan merupakan satu unsur dalam budaya tradisional yang berpaksikan kepada kehidupan manusia dalam konteks bermasyarakat serta melibatkan aspek seperti sumber manusia, budaya, ekonomi, keselamatan dan perundangan. Pernyataan ini turut disokong oleh Nyoman (2008), dimana pernyataan beliau menguatkan lagi penyelidikan ini, beliau menyatakan kearifan tempatan ini juga merangkumi elemen-elemen tradisi yang berkait rapat dengan pelbagai aktiviti harian termasuklah penyediaan makanan, pembinaan tempat tinggal dan lain-lain lagi.

Kearifan tempatan turut merujuk kepada usaha manusia dalam menggunakan pemikiran, moral serta kemampuan kognitif untuk menangani pelbagai isu dan fenomena yang timbul dalam persekitaran tertentu. Gusti (2015), mentakrifkannya sebagai keupayaan intelektual dan etika dalam berinteraksi dengan situasi serta persoalan yang wujud dalam komuniti setempat. Secara lebih khusus, kearifan tempatan merangkumi bentuk interaksi yang terbatas dalam kerangka nilai dan sistem sosial sesebuah masyarakat. Menurut Miranita (2017), nilai-nilai yang terbentuk melalui interaksi ini kemudiannya diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya dan menjadi panduan hidup masyarakat sepanjang zaman.

2.4 SEJARAH SUKU KAUM LUN BAWANG

Menurut Crain (1970), suku kaum Lun Bawang merupakan salah satu kumpulan etnik peribumi yang mendiami kawasan pedalaman di bahagian utara Borneo, khususnya di Limbang, Lawas, Ba'kelalan, dan juga sebahagian wilayah Sabah serta Kalimantan Utara, Indonesia. Lun Bawang membawa maksud "orang dari tanah", di mana "Lun" bermaksud orang atau manusia, manakala "Bawang" merujuk kepada tanah rendah atau lembah. Manakala, murut Noeb (2006) dahulu kala, mereka dikenali dengan nama Murut, tetapi istilah tersebut sering disalahgunakan oleh penjajah dan menyebabkan kekeliruan kerana digunakan untuk merujuk kepada beberapa kumpulan etnik lain yang berbeza. Oleh itu, nama Lun Bawang telah diterima secara rasmi dalam dokumen kerajaan Malaysia sejak tahun 1970-an bagi menggantikan istilah lama yang kurang tepat.

Menurut sejarah lisan dan catatan awal penjajah British, masyarakat Lun Bawang pada masa dahulu merupakan masyarakat yang menjalani kehidupan secara berladang, memburu dan mengumpul hasil hutan. Mereka terkenal dengan kemahiran dalam pertanian padi bukit dan memiliki struktur sosial yang erat serta berasaskan komuniti. Walau bagaimanapun, Amster (2006) berpendapat bahawa kehidupan mereka turut terjejas akibat peperangan antara puak, perhambaan, dan aktiviti lanun laut sebelum kedatangan pentadbiran British. Perubahan besar mula berlaku selepas kedatangan mubaligh Kristian pada awal abad ke-20, yang membawa transformasi dari segi agama, pendidikan, kesihatan dan cara hidup. Pernyataan turut disokong oleh Southwell (1980), dimana proses pemodenan ini membawa kesan yang besar kepada identiti budaya Lun Bawang hingga ke hari ini.

2.5 MANIK DALAM BUDAYA SUKU KAUM LAIN DI MALAYSIA

Penggunaan manik bukan sahaja penting dalam budaya Lun Bawang, malah turut menjadi elemen signifikan dalam kebudayaan beberapa suku kaum lain di Malaysia. Manik bukan sekadar hiasan, tetapi membawa maksud simbolik yang mendalam seperti status sosial, kepercayaan spiritual, dan identiti etnik.

Dalam masyarakat Iban di Sarawak, manik bukan sekadar elemen hiasan, tetapi turut berfungsi sebagai lambang keindahan budaya dan warisan yang bernilai tinggi. Busana tradisional wanita Iban, iaitu ngepan indu, menyerlahkan kehalusan seni melalui sulaman manik berwarna-warni yang disusun dengan teliti. Setiap butir manik yang menghiasi pakaian tersebut mengandungi makna simbolik dan diwarisi secara turun-temurun sebagai pusaka keluarga yang sarat dengan nilai sejarah serta emosi. Menurut Kedit (2020), pemakaian manik bukan sahaja mencerminkan aspek estetika, malah turut menandakan martabat dan kedudukan seseorang dalam struktur sosial masyarakat Iban.

Manakala, bagi masyarakat Bidayuh, manik bukan sekadar perhiasan semata-mata, sebaliknya menjadi elemen penting dalam pelaksanaan majlis perkahwinan dan upacara

adat yang bersifat sakral. Setiap corak yang dihasilkan melalui susunan manik mengandungi makna simbolik yang mendalam, lazimnya diinspirasikan daripada unsur alam semula jadi dan kosmos yang melambangkan hubungan manusia dengan persekitarannya. Pemilihan warna manik pula dilakukan secara teliti dengan mengambil kira fungsi upacara serta nilai kerohanian dan budaya yang ingin disampaikan. Seni pembuatan manik ini diwariskan secara turun-temurun melalui pengajaran lisan dan tunjuk ajar praktikal, sekali gus menjadi warisan hidup yang menghubungkan antara generasi. Menurut Asmahani (2021), tradisi ini memperlihatkan kesinambungan pengetahuan budaya dalam masyarakat Bidayuh.

Selain itu, dalam kalangan masyarakat Orang Ulu, khususnya suku Kayan dan Kenyah, seni pembuatan manik merupakan satu warisan halus yang memerlukan ketelitian dan kemahiran luar biasa. Mereka menghasilkan pelbagai jenis aksesori tradisional yang indah dan sarat makna seperti pesaka manik yang merupakan rantai pusaka yang melambangkan warisan turun-temurun, tukud ikat pinggang manik yang menghiasi pinggang wanita dengan penuh anggun, serta selingang merupakan perhiasan dada yang menyerlahkan identiti etnik pemakainya. Pernyataan ini turut disokong oleh Johan (2022), menurut beliau setiap motif dan corak yang terukir melalui susunan manik bukan sahaja mencerminkan daya kreativiti, malah menuturkan kisah legenda, kepercayaan spiritual, serta hubungan akrab antara manusia dan alam semesta sebagaimana diwariskan oleh leluhur mereka sejak dahulu kala.

2.6 MANIK DALAM BUDAYA SUKU KAUM LUN BAWANG

Bagi masyarakat Lun Bawang, manik tidak hanya berfungsi sebagai perhiasan semata-mata, bahkan menjadi simbol budaya yang kaya dengan makna spiritual, nilai sosial, dan kehalusan seni. Setiap butir manik yang dihasilkan dan dipakai mencerminkan keutuhan identiti kolektif komuniti ini, sebagai pantulan warisan nenek moyang yang terus mengalir dari satu generasi ke generasi seterusnya. Dalam setiap susunannya terselit cerita lama, nilai kehidupan, dan semangat kebersamaan yang masih kukuh terpahat hingga ke hari ini.

Menurut Tingang (2021), penggunaan manik dalam masyarakat Lun Bawang melangkaui fungsi estetik semata-mata, malah memainkan peranan penting dalam pelbagai upacara tradisional seperti perkahwinan, majlis kematian, dan ritual keagamaan yang sarat dengan nilai sakral. Antara hasil kraf yang sering diperagakan termasuklah banih iaitu rantai, gelang, dan empata sebagai hiasan kepala yang menyerlahkan keanggunan wanita Lun Bawang dalam busana adat mereka. Setiap susunan manik disusun dengan penuh teliti, membentuk motif yang tidak hanya memikat pandangan, tetapi turut membawa makna simbolik yang mendalam dan lambang kesuburan, perlindungan daripada anasir jahat, serta keseimbangan antara manusia dan alam semesta. Warna-warna dominan seperti merah, kuning dan hitam pula dipilih bukan sewenang-wenangnya, sebaliknya sarat dengan makna seperti merah menggambarkan keberanian dan kekuatan, kuning melambangkan kesucian dan kemuliaan, manakala hitam pula dipercayai mewakili kehadiran roh-roh nenek moyang yang sentiasa membimbing.

Selain itu, seni pembuatan manik dalam masyarakat Lun Bawang bukan sahaja memperlihatkan ketelitian tangan, malah turut mencerminkan pembahagian peranan yang tersusun dalam struktur sosial mereka. Kaum wanita, terutamanya golongan yang berusia dan berpengalaman, memikul tanggungjawab penting dalam menenun, menyusun dan menyulam manik dengan penuh kesabaran dan kasih sayang. Kemahiran ini tidak ditulis di atas kertas, tetapi diwariskan secara lisan dan melalui tunjuk ajar yang dilakukan dalam suasana kekeluargaan dan komuniti yang erat. Menurut Lawan (2023), setiap butir ilmu yang diperturunkan membawa bersama roh tradisi, menjadikan proses ini bukan sekadar latihan kemahiran, tetapi satu usaha yang bernilai dalam memperkukuh jati diri budaya, terutama dalam menghadapi arus perubahan dunia moden yang semakin mencabar.

2.7 MOTIF DAN CORAK MANIK DALAM BUDAYA SUKU KAUM LAIN DI MALAYSIA

Motif dan corak manik dalam kalangan masyarakat peribumi Malaysia bukan sekadar hiasan semata-mata, malah merupakan satu bentuk bahasa visual yang kaya dengan simbol

dan makna tersembunyi. Ia menjadi medium komunikasi budaya yang mencerminkan cara hidup, kepercayaan spiritual, serta pandangan dunia setiap suku kaum. Setiap etnik memiliki gaya, teknik dan susunan manik yang tersendiri serta keunikan yang bagaikan cap jari budaya mereka. Warna, bentuk dan reka coraknya bukan sahaja menyenangkan mata, tetapi juga mengandungi maksud tersirat yang diwarisi secara turun-temurun, difahami hanya oleh masyarakat setempat. Justeru, manik bukan sekadar seni kraf, tetapi berfungsi sebagai kod budaya yang halus dan penuh nilai warisan.

Dalam masyarakat Iban, motif manik lazimnya menampilkan bentuk geometri seperti rombus, silang dan Bintang, susunan yang bukan sekadar mencantikkan busana, malah sarat dengan makna yang mengakar dalam kepercayaan dan hubungan mereka dengan alam. Corak ini sering dianggap sebagai lambang elemen semula jadi seperti bunga yang mekar, matahari yang memberi kehidupan, serta sungai yang mengalir membawa rezeki. Ia bukan hanya karya seni yang mempesona mata, tetapi juga dipercayai mampu menghadirkan tuah serta melindungi isi pemakai daripada anasir yang tidak diingini. Warna-warna cerah seperti merah yang melambangkan keberanian, kuning sebagai simbol kemuliaan, dan biru yang menyiratkan ketenangan serta kesucian jiwa, menjadi pilihan utama dalam menyulam keindahan dan kekuatan dalam setiap helaian manik mengikut pandangan Sawang (2022).

Manakala, menurut Asmahani (2021), suku kaum Bidayuh pula menampilkan motif manik yang cenderung kepada simbolisme kosmologi, di mana bentuk spiral, bulatan dan gugusan bintang sering menjadi pilihan. Corak-corak ini bukan direka secara sewenang wenangnya, sebaliknya diyakini melambangkan keseimbangan harmoni antara alam nyata yang dapat disentuh dan alam roh yang ghaib tetapi dirasai kehadirannya. Manik yang dihiasi dengan motif sedemikian lazimnya digunakan dalam upacara perubatan tradisional atau dipakai sebagai pelindung rohani yang dipercayai mampu menangkis unsur negatif. Setiap susunannya diatur secara simetri dan harmoni, seolah-olah mencerminkan falsafah hidup masyarakat Bidayuh yang menjunjung keseimbangan antara jasmani dan rohani, antara manusia dan semesta.

Dalam kalangan masyarakat Orang Ulu seperti suku Kenyah dan Kayan, corak manik yang dihasilkan memperlihatkan tahap kerumitan dan kehalusan seni yang tinggi, sering kali terinspirasi daripada kisah legenda, mitos suci, dan warisan lisan nenek moyang. Antara motif yang lazim ditemui ialah imej naga yang melambangkan kuasa agung, burung enggang sebagai simbol kemuliaan dan penghormatan, serta wajah roh penjaga yang dipercayai bertindak sebagai pelindung spiritual. Setiap corak bukan sekadar ukiran hiasan, tetapi mengandungi lapisan makna mendalam yang mencerminkan kepercayaan, kekuatan batin dan hubungan sakral antara manusia dan dunia roh. Dalam setiap helaian, tersirat sebuah naratif yang meneguhkan identiti dan memperkukuh benteng rohani pemakainya daripada ancaman kuasa jahat menurut Johan (2023).

2.8 MOTIF DAN CORAK MANIK DALAM BUDAYA SUKU KAUM LUN BAWANG

Motif dan corak manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang bukan sekadar hasil seni yang memikat pandangan, tetapi tersirat kehalusan estetika dan kedalaman makna yang berakar dari jiwa budaya mereka. Setiap rekaan mencerminkan hubungan yang intim antara manusia dan alam, serta memperlihatkan jalinan halus antara identiti etnik dan nilai-nilai kerohanian yang diwarisi turun-temurun. Motif-motif ini ibarat naratif visual yang merakam falsafah hidup nenek moyang yang diwariskan bukan melalui tulisan, tetapi melalui susunan manik yang teliti, seakan berbisik dari satu generasi ke generasi berikutnya.

Menurut kajian oleh Said (2017), masyarakat Lun Bawang memiliki kepekaan seni yang tinggi dalam memanfaatkan unsur alam semula jadi sebagai sumber ilham dalam penghasilan reka bentuk manik seramik mereka. Setiap motif yang dihasilkan bukan sekadar corak hiasan, tetapi merupakan pantulan halus terhadap kearifan lokal yang mencerminkan keharmonian antara manusia dan alam. Dari bentuk dedaunan yang melambai hingga alunan arus sungai yang tenang, semuanya diterjemahkan dengan penuh seni dan makna ke dalam susunan manik yang menjadi lambang keterikatan rohani dan identiti budaya mereka yang mendalam.

Selain itu, kajian oleh Hazman (2020) turut menekankan keunikan corak serta kepelbagaian bahan yang digunakan dalam penghasilan kraf manik oleh masyarakat Lun Bawang di Lawas, Sarawak. Setiap motif yang dihasilkan bukan sahaja memperlihatkan ciri ciri identiti etnik yang tersendiri, malah mengangkat martabat manik sebagai karya seni bernilai tinggi dalam konteks warisan budaya. Setiap butir manik yang disusun rapi bagaikan puisi visual yang mengungkap kisah leluhur, lambang jati diri dan semangat komuniti yang terus berdenyut dalam arus kemodenan. Keindahan estetika ini bukan sekadar untuk dipandang, tetapi untuk difahami sebagai warisan hidup yang sarat makna dan penuh jiwa.

Motif-motif tradisional masyarakat Lun Bawang lazimnya menampilkan bentuk geometri yang halus dan teratur, seperti garis-garis berulang, bukaan flora tempatan yang menghias alam, serta pola simetri yang indah dan semuanya menggambarkan keseimbangan dan keharmonian hubungan antara manusia dan alam semula jadi. Setiap susunan warna dan corak manik bukan direka secara sembarangan, sebaliknya mengandungi makna tersirat yang mendalam, antaranya sebagai simbol kesuburan, perlindungan daripada kuasa roh halus, serta lambang keharmonian sosial dalam komuniti. Pendekatan reka bentuk ini bukan sahaja menonjolkan keindahan estetik, tetapi turut menyampaikan naratif budaya yang kaya, mencerminkan nilai identiti suku kaum yang terus dipertahankan dengan penuh bangga dan kasih terhadap warisan nenek moyang.

2.9 KERANGKA TEORI

Dalam penyelidikan yang menyentuh aspek warisan budaya serta komuniti peribumi, kerangka teoritikal memainkan peranan penting sebagai asas yang menghubungkan konsep utama dengan objektif kajian yang ditetapkan. Kajian ini memilih Teori Simbolik atau *Symbolic Interactionism* sebagai landasan utama kerana sifatnya yang menjelaskan hubungan antara manusia dan simbol dalam konteks budaya.

2.9.1 Teori Simbolik

Teori Simbolik atau *Symbolic Interactionism Theory* merupakan suatu pendekatan yang memberi tumpuan kepada proses pembentukan dan penafsiran makna sosial yang berlaku melalui interaksi antara individu dalam masyarakat. Teori ini diasaskan oleh George Herbert Mead pada tahun 1934 dan kemudiannya dikembangkan secara lebih sistematik oleh Herbert Blumer pada tahun 1969. Menurut prinsip asas teori ini, tindakan manusia dipengaruhi oleh makna yang mereka bina terhadap sesuatu perkara, di mana makna tersebut lahir daripada pengalaman interaksi sosial dan boleh berubah mengikut konteks serta tafsiran individu secara berterusan.

Dalam kerangka teori ini, kehidupan sosial dilihat sebagai suatu proses dinamik yang sentiasa berkembang, bukannya sesuatu yang bersifat tetap. Ia terdiri daripada makna-makna yang dihasilkan secara kolektif dan ditafsirkan melalui simbol-simbol yang wujud dalam kehidupan seharian. Simbol ini merangkumi pelbagai bentuk seperti bahasa, objek budaya, tindakan sosial mahupun ritual yang sarat dengan makna. Makna tersebut tidak bersifat semula jadi, sebaliknya muncul hasil daripada pengalaman sosial dan interaksi berterusan antara individu dalam sesebuah masyarakat menurut Blumer (1969).

2.9.2 Aplikasi Teori dalam Kajian Ini

Dalam kajian ini, Teori Simbolik diaplikasikan sebagai kerangka analisis utama untuk memahami makna mendalam yang tersembunyi di sebalik penghasilan seni manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang di Limbang, Sarawak. Pendekatan ini memberi fokus kepada bagaimana masyarakat tersebut membina dan mentafsir makna melalui interaksi sosial yang melibatkan bentuk, warna, corak dan susunan manik. Menurut Mead (1934), setiap elemen ini bukan sahaja menonjolkan nilai estetika, malah sarat dengan makna simbolik yang mencerminkan identiti etnik, kedudukan sosial, kepercayaan spiritual dan naratif sejarah yang diwarisi secara kolektif.

Selain itu, menurut Charon (2007), manik dalam masyarakat Lun Bawang berfungsi sebagai simbol budaya yang diturunkan secara lisan dan melalui penglibatan langsung dalam amalan harian serta upacara tradisional. Proses pewarisan ini berlaku

menerusi interaksi dalam kalangan ahli keluarga, komuniti, serta dalam konteks sosial seperti pembuatan manik, penyertaan dalam ritual, dan majlis adat. Dalam kerangka Teori Simbolik, proses ini merupakan satu bentuk komunikasi berasaskan simbol, di mana makna tidak hanya disampaikan tetapi juga dicipta semula secara dinamik dalam kehidupan seharian.

Dengan menggunakan lensa teori ini, kajian dapat mengenal pasti bagaimana ahli masyarakat Lun Bawang memberi makna kepada seni manik yang dihasilkan. Ini termasuk penafsiran terhadap simbol-simbol tertentu dalam reka bentuk manik dan peranan simbol tersebut dalam memperkukuh nilai budaya dan identiti kolektif. Ia turut membolehkan penyelidik memahami seni manik sebagai medium komunikasi budaya yang mencerminkan struktur sosial, sistem kepercayaan dan kesinambungan warisan etnik.

Secara keseluruhannya, menurut Vryan (2003), Teori Simbolik menyediakan asas teoritikal yang kukuh dalam menganalisis manik sebagai satu entiti simbolik yang berperanan penting dalam membina makna budaya, mengekalkan kearifan tempatan, serta menyemai jati diri etnik dalam landskap sosio-budaya masyarakat Lun Bawang.

2.10 KESIMPULAN

Bab ini menggariskan sorotan kajian terdahulu yang berkaitan dengan penghasilan seni manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang, di samping memperkenalkan kerangka teoritikal yang menjadi asas kepada kajian ini. Penemuan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa seni manik tidak boleh ditafsir sebagai sekadar hasil kraf semata-mata, sebaliknya merupakan suatu bentuk ekspresi budaya yang mencerminkan kearifan tempatan, nilai estetika, kepercayaan spiritual serta identiti etnik masyarakat tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Hazman (2020), Said (2017), Suut (2022) dan Munan (2025) menunjukkan bahawa seni manik dalam komuniti ini berpaksikan kepada interaksi rapat dengan alam sekitar, pemikiran kosmologi yang diwarisi, serta penggunaan simbol yang sarat makna yang diturunkan dari generasi ke generasi seterusnya.

Teori Simbolik telah dipilih sebagai asas utama dalam kajian ini kerana kemampuannya menjelaskan bagaimana makna budaya terbentuk dan ditafsirkan melalui interaksi sosial dalam kalangan masyarakat. Teori ini selaras dengan keseluruhan objektif penyelidikan, iaitu untuk mengenal pasti jenis perhiasan manik masyarakat Lun Bawang, meneliti nilai simbolik dan budaya yang terkandung dalam proses penghasilannya, serta membincangkan usaha pelestarian seni tersebut. Melalui kerangka teori ini, penghasilan seni manik tidak hanya diteliti dari sudut teknikal dan estetika, tetapi juga dilihat sebagai satu bentuk komunikasi simbolik yang mencerminkan nilai, identiti etnik dan struktur sosial masyarakat Lun Bawang. Teori ini turut membolehkan penyelidik memahami bagaimana makna-makna budaya diwariskan melalui amalan, pertuturan, dan ritual harian yang kaya dengan simbol dan tafsiran sosial dalam komuniti tradisional.

Secara keseluruhannya, Bab 2 ini telah menyediakan asas teori dan sorotan kajian yang mantap sebagai landasan kepada penyelidikan yang dijalankan. Pemahaman yang diperoleh daripada kajian terdahulu dan kerangka teoritikal ini akan menjadi rujukan penting dalam menganalisis data dan membentuk dapatan kajian yang akan diuraikan dalam bab-bab seterusnya. Justeru, pendekatan ini mengukuhkan andaian bahawa seni manik masyarakat Lun Bawang merupakan satu warisan budaya yang sarat makna, yang wajar dikaji secara menyeluruh dan dilestarikan bagi memastikan kelangsungan identiti budaya dalam era moden yang terus berkembang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini menghuraikan secara terperinci reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini, merangkumi pendekatan kajian, kaedah pengumpulan data, pemilihan informan, kaedah analisis data serta langkah-langkah bagi memastikan ketulenan dan kebolehpercayaan kajian. Pemilihan kaedah ini dirangka secara teliti bagi menyokong objektif kajian yang bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam kearifan tempatan masyarakat Lun Bawang dalam penghasilan seni manik di Limbang, Sarawak.

Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneroka dan menafsir makna sosial, budaya dan simbolik yang tersembunyi di sebalik praktik penghasilan manik, melalui pengalaman dan pandangan komuniti itu sendiri. Menurut Creswell dan Poth (2018), pendekatan kualitatif sesuai digunakan apabila kajian bertujuan memahami fenomena dalam konteks semula jadi serta meneroka makna yang diberikan oleh individu atau kumpulan terhadap sesuatu isu.

Strategi kajian kes pula digunakan kerana ia memberi fokus yang mendalam terhadap satu entiti terpilih, iaitu komuniti Lun Bawang di Limbang, bagi mendapatkan gambaran menyeluruh berkaitan seni manik dan kearifan tempatan mereka. Yin (2018) menjelaskan bahawa kajian kes membolehkan penyelidik meneliti fenomena secara menyeluruh dalam konteks kehidupan sebenar, terutamanya apabila sempadan antara fenomena dan konteks tidak jelas sepenuhnya.

3.2 PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang bersifat eksploratori dan interpretatif

bagi membolehkan penyelidik memahami secara mendalam makna yang tersembunyi dalam praktik budaya masyarakat Lun Bawang, khususnya berkaitan penghasilan seni manik. Pendekatan ini dipilih memandangkan ia memberi tumpuan kepada pengalaman subjektif, kepercayaan tradisional, simbolisme serta nilai-nilai budaya yang dipegang oleh komuniti dalam konteks kehidupan sebenar mereka menurut Creswell & Poth (2018). Memandangkan fokus utama kajian ini melibatkan aspek warisan budaya, pengetahuan tempatan dan usaha pemeliharaan seni tradisi, maka pendekatan kualitatif dilihat paling sesuai dalam menyokong objektif penyelidikan ini.

Pendekatan kualitatif ini membolehkan penyelidik memperoleh data deskriptif yang kaya melalui interaksi secara langsung bersama informan, di samping meneroka naratif serta interpretasi yang mungkin sukar diperoleh melalui kaedah kuantitatif bagi pandangan Merriam & Tisdell (2016). Melalui pendekatan ini juga, penyelidik dapat memahami fenomena secara holistik dalam konteks sosial, sejarah dan budaya masyarakat Lun Bawang, terutamanya yang berkaitan dengan jenis-jenis perhiasan manik, nilai kearifan tempatan yang terkandung dalam proses penghasilannya, serta inisiatif komuniti dalam usaha melestarikan seni tradisional tersebut.

Selain itu, menurut Denzin & Lincoln (2018) pendekatan ini membolehkan penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data seperti temu bual mendalam, pemerhatian lapangan serta analisis dokumen, yang seterusnya menyokong proses triangulasi data bagi memastikan ketekalan, kebolehpercayaan dan ketulenan dapatan kajian. Pendekatan kualitatif turut menawarkan fleksibiliti yang tinggi, membolehkan penyelidik menyesuaikan reka bentuk dan pelaksanaan kajian mengikut keperluan lapangan, terutamanya apabila melibatkan komuniti peribumi yang mempunyai struktur sosial, kepercayaan dan norma budaya tersendiri. Sehubungan itu, pendekatan kualitatif dianggap paling sesuai dalam menjelaskan fenomena budaya yang dikaji secara komprehensif, di samping memberi penekanan terhadap nilai, simbol dan pengalaman subjektif yang dilalui oleh komuniti Lun Bawang dalam penghasilan seni manik mereka.

3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan strategi kajian kes sebagai reka bentuk utama. Pemilihan reka bentuk ini adalah bersesuaian dengan sifat penyelidikan yang bertujuan untuk menelusuri secara mendalam dimensi budaya dan kearifan tempatan masyarakat Lun Bawang dalam penghasilan seni manik. Kajian kualitatif membolehkan penyelidik memahami makna, pengalaman, nilai, serta kepercayaan masyarakat yang tidak dapat diuraikan secara kuantitatif menurut Merriam & Tisdell (2016).

Strategi kajian kes pula membolehkan penyelidik memberi tumpuan khusus kepada satu komuniti dalam konteks kehidupan sebenar, iaitu masyarakat Lun Bawang di Limbang, Sarawak. Kajian kes juga memberi peluang untuk memahami fenomena yang kompleks melalui pelbagai sumber data, seperti temu bual, pemerhatian, dan dokumen menurut Yin (2018). Oleh kerana objektif kajian ini menekankan aspek simbolisme, pewarisan pengetahuan, dan pemeliharaan budaya, strategi ini dilihat paling sesuai untuk menggambarkan realiti sosial dan konteks tempatan secara menyeluruh.

Tambahan pula, menurut Creswell & Poth (2018) pendekatan ini membolehkan penyelidik berinteraksi secara langsung dengan responden dalam persekitaran semula jadi mereka, sekaligus memberikan gambaran yang lebih autentik dan holistik terhadap proses penghasilan manik serta makna budaya yang terkandung di dalamnya. Dengan menggunakan reka bentuk ini, kajian dapat menghasilkan data yang kaya dan mendalam, yang amat penting dalam penyelidikan berkaitan warisan budaya dan komuniti peribumi.

3.3.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif lazimnya menjadi pendekatan utama dalam pelaksanaan sesuatu penyelidikan terutamanya apabila kajian bertujuan untuk menyelami realiti dan pengalaman manusia secara mendalam. Hal ini kerana, untuk sesuatu kajian, pengumpulan data yang menyeluruh dan bermakna amatlah penting bagi memperkukuhkan hujahan serta penemuan penyelidik agar lebih mantap dan meyakinkan.

Pendekatan ini dianggap fleksibel dan bersifat terbuka kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara rigid bentuk, kaedah, mahupun arah penyelidikan sejak awal. Sebaliknya, ia membenarkan ruang kepada penyelidik untuk menyesuaikan corak kajian mengikut dinamika konteks kajian yang diteroka menurut Trochim (2006). Dengan sifatnya yang anjal, kaedah ini membolehkan penyelidik bergerak seiring dengan perkembangan dapatan lapangan secara lebih semula jadi dan reflektif. Manakala, menurut Rashidah Awang (2015), kajian kualitatif merupakan satu kajian penyelidikan yang bergantung kepada pandangan peserta.

Kajian ini digunakan oleh penyelidik bagi menjawab objektif kajian. Hal ini kerana, objektif satu misalnya penyelidik memerhatikan secara langsung hasil manik tersebut. Manakala, objektif dua dan tiga memerlukan temu bual bersama suku kaum Lun Bawang sendiri. Perkara ini turut disokong oleh Rashidah Awang (2015) yang mana kualitatif bergantung kepada pandangan peserta melalui soalan terbuka dan pengumpulan data berbentuk perkataan atau teks. Data ini dianalisis mengikut tema dan dijalankan secara subjektif. Kaedah ini berbeza daripada kuantitatif kerana ia menggunakan temu bual dan pemerhatian. Kajian ini menekankan kepada pengumpulan maklumat secara mendalam di lapangan. Dalam bab ini, penyelidik membincangkan bentuk data, kelebihan dan kekurangan kaedah kualitatif serta proses pengumpulan data berkaitan kajian manik suku kaum Lun Bawang.

3.4 PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu data primer dan juga data sekunder. Menurut Sabitha Manican (2005), data merupakan pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Izham Shafie (2008) pula menyatakan bahawa data merupakan maklumat berangka yang penting dalam membuat keputusan yang berasaskan bukti dalam sesuatu situasi. Oleh itu, penggunaan kaedah yang sesuai sangat penting bagi memastikan ketepatan dan keberkesanan data yang dikumpul. Maka, penyelidik hendaklah memilih kaedah

pengumpulan data yang paling tepat mengikut keperluan kajian. Data yang telah diperoleh akan memberikan gambaran yang lengkap serta menyempurnakan keseluruhan kajian.

3.4.1 Data Primer

Data primer merujuk kepada data yang dikumpul secara langsung oleh penyelidik melalui kaedah seperti temu bual, soal selidik, pemerhatian, atau eksperimen dengan tujuan khusus untuk menjawab persoalan kajian tertentu. Data ini adalah data *first-hand* dan belum pernah dianalisis atau diterbitkan sebelumnya. Menurut Jasmi (2012) pula, data primer merupakan dapatan data utama yang telah didapati melalui kajian.

i. Kaedah Temu Bual Dalam Talian

Kaedah temu bual dalam talian merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan oleh penyelidik dalam melaksanakan kajiannya bagi mendapatkan maklumat, data, dan sumber yang sahih. Tujuan utama temu bual adalah untuk memperoleh maklum balas secara langsung dari informan serta merekod setiap kata-kata yang dipertuturkan bagi melengkapkan kajian dengan lebih menyeluruh. Denzin (2001) menyatakan bahawa temu bual perlu berfungsi lebih daripada sekadar alat pengumpulan maklumat ia juga bersifat reflektif dan secara tidak langsung dapat mencerminkan keadaan sebenar ketika berada di lapangan. Manakala, menurut Chua (2006), kaedah temu bual ini membolehkan penyelidik memperoleh penjelasan yang lebih mendalam.

Berdasarkan perkara tersebut, penyelidik akan menyediakan beberapa soalan untuk dikemukakan kepada informan. Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur secara dalam talian sebagai kaedah utama pengumpulan data. Kaedah ini dipilih kerana mampu memberikan data yang mendalam berkaitan pengetahuan, pengalaman, serta pandangan informan terhadap penghasilan seni manik dalam masyarakat

Lun Bawang. Temu bual dalam talian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkenaan penghasilan manik oleh suku kaum Lun Bawang. Oleh itu, penyelidik akan menemu bual sekurang-kurangnya 6 orang informan bagi memastikan data yang diperoleh mencukupi dan mewakili pengalaman mereka dalam penghasilan manik.

3.4.2 Data Sekunder

Menurut Wahab & Ah (2016), data sekunder memegang peranan yang penting sebagai tunjang sokongan dalam setiap kajian ilmiah. Data yang terbit daripada pelbagai sumber yang kaya seperti buku-buku ilmiah, tesis yang mendalam, jurnal-jurnal berwibawa, serta keratan akhbar yang melaporkan pelbagai peristiwa menjadi khazanah yang tidak ternilai. Sebagai contoh, dalam usaha mengukuhkan lagi hujah dan dapatan kajian, pengkaji seringkali memerlukan sokongan padu yang diperoleh daripada penelitian dan ulasan kajian-kajian terdahulu yang telah dibentangkan dalam bab dua yang merupakan sorotan kajian yang komprehensif.

i. Kaedah Perpustakaan

Kaedah kepustakaan merujuk kepada usaha sistematik oleh penyelidik atau pemerhati untuk mengumpulkan pelbagai maklumat dan data yang berkaitan serta relevan dengan isu atau topik kajian. Maklumat ini boleh diperoleh daripada sumber seperti buku ilmiah, laporan penyelidikan, ensiklopedia, fakta sejarah, buku tahunan, serta bahan bertulis atau digital menurut Roth (1986). Kaedah ini digunakan bagi mencari maklumat umum yang berkaitan dengan bidang kajian melalui penggunaan kata kunci tertentu. Untuk memperoleh data yang mencukupi dan berkualiti, penyelidik telah mengunjungi Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan merujuk pelbagai bahan bacaan yang berkaitan dengan kajian. Rujukan daripada sumber-sumber ini amat penting bagi memastikan penulisan penyelidik kekal relevan dan selari dengan kajian semasa.

ii. Kaedah Internet

Penggunaan internet merupakan salah satu sumber penting dalam menyokong proses penyelidikan. Melalui capaian digital, penyelidik dapat memperoleh pelbagai maklumat seperti pandangan tokoh, artikel ilmiah, tesis, jurnal, laporan kajian terdahulu, serta bahan multimedia yang berkaitan dengan topik kajian. Sumber-sumber ini bukan sahaja memperkuat hujahan kajian, malah membantu dalam memperluas perspektif penyelidik terhadap isu yang dikaji. Kemudahan akses kepada pelbagai platform dalam talian seperti pangkalan data akademik, laman web rasmi, dan perpustakaan digital menjadikan internet sebagai medium yang efektif untuk menyokong penyediaan sorotan literatur. Justeru, bukti penggunaan internet ini dapat dilihat dengan jelas dalam bab dua kajian, iaitu pada bahagian sorotan kajian yang mengandungi pelbagai rujukan daripada sumber dalam talian yang sahih dan terkini. Menurut O'Brien (2003), internet merupakan jaringan komputer yang berkembang pesat dari segi perniagaan, pendidikan dan jaringan pemerintahan yang sering berhubung antara satu sama yang lain dari seluruh dunia.

3.5 TEKNIK PENSAMPELAN

Menurut Syed Arabi Idid (1992), teknik pensampelan merujuk suatu kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi memperoleh data atau maklumat daripada sekumpulan informan yang mewakili keseluruhan populasi kajian. Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah *snowball* atau dikenali sebagai teknik bola salji. Kaedah ini dilaksanakan secara berperingkat dan berantai iaitu bermula dengan sebilangan kecil informan dan kemudiannya berkembang apabila informan awal memperkenalkan individu lain yang turut mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik.

Teknik *snowball* amat sesuai digunakan dalam kajian kualitatif yang melibatkan informan yang sukar dikesan secara langsung, atau dalam komuniti yang tertutup. Proses ini dimulakan dengan mengenal pasti informan pertama yang dipercayai dapat memberi maklumat penting, lalu mereka akan mencadangkan nama individu lain yang turut relevan dengan tujuan kajian. Proses ini berterusan sehingga saiz sampel mencapai tahap yang mencukupi dan maklumat yang dikumpul dilihat telah tepu. Penggunaan teknik ini juga dapat menjimatkan masa dan memudahkan proses pengumpulan data kerana informan baharu diperkenalkan secara semula jadi oleh informan terdahulu. Oleh itu, teknik *snowball* bukan sahaja memudahkan proses temu bual secara langsung, malah turut meningkatkan keberkesanan dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan secara lebih mendalam dan terperinci.

3.6 ALAT BANTU KAJIAN

Alat bantu kajian merujuk kepada peralatan atau medium yang digunakan oleh penyelidik bagi membantu proses pelaksanaan kajian. Terdapat pelbagai jenis alat bantu yang lazim digunakan ketika kajian dijalankan. Antaranya ialah temu bual, borang soal selidik, dan perakam suara. Setiap alat bantu ini memainkan peranan penting dalam usaha mengumpul data yang relevan dan menyeluruh. Selain itu, penyelidik juga menggunakan telefon pintar sebagai salah satu alat bantu dalam kajian. Telefon pintar berfungsi bukan sahaja sebagai medium komunikasi antara penyelidik dan informan kajian, malah turut digunakan untuk tujuan rakaman suara serta menangkap gambar sewaktu proses pengumpulan data dijalankan. Keupayaan telefon pintar yang serba guna ini menjadikannya alat yang sangat efektif dalam menyokong kelancaran kajian lapangan.

i. Telefon Bimbit

Telefon bimbit digunakan sebagai alat utama untuk merakam sesi temu bual secara dalam talian, merekod maklumat audio, serta mencatat nota ringkas sepanjang perbualan dengan informan. Fungsi rakaman suara membolehkan penyelidik

menangkap setiap maklumat yang diberikan secara tepat tanpa mengganggu kelancaran perbualan. Selain itu, telefon bimbit turut digunakan untuk mengambil tangkapan skrin (*screenshot*) bagi mendokumentasikan elemen visual yang dikongsi oleh informan, seperti bentuk fizikal manik, motif, atau ilustrasi berkaitan aktiviti budaya, selaras dengan pandangan Pink (2013). Telefon bimbit juga berperanan sebagai alat simpanan awal data sebelum dipindahkan ke perisian analisis untuk tujuan kajian.

ii. Buku Catatan

Buku catatan digunakan untuk merekod pemerhatian, refleksi lapangan dan maklumat tambahan yang mungkin tidak dapat dirakam secara digital. Penggunaan buku ini memberi ruang kepada penyelidik untuk menulis respons peribadi, suasana emosi, atau butiran konteks yang penting dalam memahami dinamika lapangan. Catatan ini sangat penting dalam kajian kualitatif kerana ia mengekalkan unsur interpretatif yang tidak dapat ditangkap melalui rakaman audio atau visual semata-mata menurut Creswell & Poth (2018). Ia juga membantu penyelidik membuat semakan silang antara data lisan, visual dan konteks sosial semasa proses analisis.

Gabungan penggunaan telefon bimbit dan buku catatan ini membolehkan penyelidik mengumpul data dengan lebih cekap, fleksibel, dan telus dalam situasi lapangan sebenar, selaras dengan pendekatan kualitatif yang menekankan konteks dan kedalaman makna.


3.7 ANALISIS DATA

Bahagian membentangkan analisis data yang diperolehi daripada temu bual dan dokumen berkaitan dalam usaha memahami kearifan tempatan suku kaum Lun Bawang dalam penghasilan manik di Limbang, Sarawak. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti corak, nilai budaya, dan makna yang terkandung dalam amalan pembuatan manik tradisional. Menurut Umami Adibah (2019), analisis data merupakan tahap proses kajian

yang data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik dapat dijawab untuk menjawab rumusan masalah. Manakala, menurut Prawiro (2018), salah satu teknik bagi analisis data ini ialah pendekatan kualitatif untuk membantu pengkaji menganalisis data yang penting. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai penyelesaian isu dengan teliti. Dalam kajian ini juga, penyelidik telah menggunakan satu teknik iaitu analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif dalam kajian penyelidik.

3.7.1 Tematik

Analisis tematik merupakan pendekatan yang digunakan untuk meneliti data dengan tujuan mengenal pasti corak atau tema yang muncul daripada data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik menurut Braun & Clarke, (2006). Manakala, menurut Fereday & Muir Cochrane (2006), kaedah ini dianggap sebagai salah satu strategi yang berkesan dalam penyelidikan terutama bagi kajian yang menggunakan data kualitatif. Ia membolehkan penyelidik mengupas dan memahami secara mendalam hubungan antara pola-pola yang wujud dalam sesuatu fenomena. Tambahan pula, analisis ini dapat membantu menjelaskan sejauh mana sesuatu fenomena berlaku berdasarkan pemerhatian dan interpretasi penyelidik.



Rajah 1 : Proses tematik analisis oleh Braun dan Clark (2006)

Sumber : Google Images

Proses analisis tematik dalam kajian ini dijalankan mengikut enam langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Langkah yang pertama adalah mengenal pasti data. Penyelidik meneliti semula semua data yang diperolehi, termasuk transkrip temu bual, nota lapangan, gambar, dan bahan dokumentasi lain. Proses ini melibatkan pembacaan berulang kali bagi membiasakan diri dengan isi kandungan dan konteks data.

Seterusnya, Langkah yang kedua adalah menjana kod awal. Kod awal dibina berdasarkan unsur penting dalam data yang berkaitan dengan persoalan kajian. Kod ini merangkumi kata kunci, frasa atau idea yang berulang dan bermakna dalam naratif informan.

Langkah yang ketiga adalah mengenal pasti tema. Kod-kod yang berkaitan dikumpulkan dan disusun menjadi tema awal. Setiap tema merangkumi pola makna yang mencerminkan realiti sosial dan budaya komuniti Lun Bawang.

Langkah yang keempat adalah menyemak semula tema. Hal ini kerana, Tema yang dijana disemak semula untuk memastikan kesesuaian, koheren dan ketepatan dengan keseluruhan data. Pada peringkat ini, sesetengah tema digabungkan, dipecahkan atau digugurkan jika tidak lagi relevan.

Selain itu, langkah yang kelima adalah menekan dan mentakrifkan tema. Tema yang telah dimuktamadkan diberikan nama dan takrif yang jelas berdasarkan makna dan konteksnya. Penerangan tema disokong dengan petikan data yang sesuai untuk mengukuhkan kefahaman dan justifikasi.

Langkah yang keenam adalah menulis laporan analisis. Laporan akhir disusun berdasarkan tema yang telah dikenal pasti, disokong dengan bukti daripada data lapangan, serta ditafsirkan mengikut kerangka teoritikal yang digunakan dalam kajian ini, iaitu Teori Kearifan Tempatan.

Akhir sekali, melalui pendekatan analisis tematik ini, penyelidik dapat mengenal pasti struktur makna yang tersembunyi dalam naratif komuniti, khususnya dalam aspek seni manik dan kearifan tempatan masyarakat Lun Bawang. Proses ini membolehkan penyelidik menyampaikan dapatan secara tersusun, reflektif dan mendalam, sejajar dengan pendekatan kualitatif yang bersifat interpretatif dan kontekstual.

3.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bab tiga ini telah memperincikan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian berkaitan kearifan tempatan dalam penghasilan seni manik oleh masyarakat Lun Bawang di Limbang, Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat eksploratori dan interpretatif, dengan strategi kajian kes sebagai reka bentuk utama. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menelusuri secara mendalam makna budaya, simbolisme serta nilai-nilai tempatan yang terkandung dalam penghasilan manik.

Pengumpulan data dilakukan secara triangulasi melalui temu bual mendalam, pemerhatian lapangan, dan analisis dokumen, manakala teknik persampelan bola salji (snowball) digunakan bagi mendapatkan informan yang berpengetahuan dan relevan. Alat bantu kajian seperti telefon bimbit dan buku catatan turut menyokong proses dokumentasi dan refleksi lapangan secara sistematik.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan teknik analisis tematik berpandukan enam langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006), membolehkan penyelidik mengenal pasti corak dan tema utama yang berkait dengan nilai budaya dan amalan masyarakat Lun Bawang. Keseluruhan pendekatan ini memberikan gambaran holistik terhadap fenomena yang dikaji, selaras dengan matlamat kajian untuk mendokumentasikan dan memahami kearifan tempatan yang menjadi asas kepada seni manik tradisional.

Kaedah kajian yang dipilih bukan sahaja menyokong ketekalan dan kebolehpercayaan dapatan, malah turut memperkukuhkan kefahaman penyelidik terhadap konteks sosial dan budaya komuniti yang dikaji. Maka, Bab tiga ini membentuk asas metodologi yang kukuh bagi membolehkan Bab empat menghuraikan dapatan kajian secara terperinci dan bermakna.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur atas talian bersama enam orang informann dalam kalangan masyarakat Lun Bawang di Limbang, Sarawak. Kajian ini dilaksanakan bagi memahami kepelbagaian jenis perhiasan manik yang dihasilkan oleh komuniti tersebut, menelusuri kearifan tempatan yang membentuk teknik pembuatannya, serta menilai nilai budaya dan fungsi sosial yang terkandung dalam seni ini. Pada masa yang sama, kajian ini turut meninjau cabaran serta ancaman terhadap kelestarian seni manik, sebelum merumuskan langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan warisan ini terus diperturunkan kepada generasi akan datang.

Selain itu, signifikan kajian ini terserlah melalui usaha mendokumentasikan seni manik Lun Bawang sebagai sebahagian daripada warisan budaya yang mencerminkan identiti, sejarah dan pengetahuan tradisional masyarakat. Dalam konteks perubahan gaya hidup moden, pengaruh produk komersial serta penyusutan minat generasi muda, seni manik ini semakin berdepan risiko kepupusan. Oleh itu, dapatan kajian ini menjadi rujukan penting dalam memahami keadaan semasa amalan tersebut dan menonjolkan kepentingannya dalam pemeliharaan warisan budaya komuniti peribumi di Sarawak.

Dapatan dalam bab ini dibina melalui penerapan kaedah temu bual separa berstruktur atas talian yang membolehkan pengkaji memperoleh maklumat secara mendalam dan fleksibel, khususnya berkaitan pengalaman, teknik penghasilan, sejarah keluarga, serta tafsiran budaya yang sukar digambarkan melalui kaedah kuantitatif. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik, yang membantu meneliti pola, makna dan isu yang berulang sebelum disusun kepada tema-tema utama berkaitan jenis perhiasan manik, proses penghasilan, nilai simbolik dan cabaran kelestarian. Kaedah ini memastikan dapatan yang dibentangkan adalah tersusun, telus dan selari dengan objektif kajian.

4.2 TEMU BUAL

Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur secara dalam talian sebagai kaedah utama pengumpulan data. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memperoleh data yang mendalam berkaitan pengetahuan, pengalaman, serta pandangan informan terhadap penghasilan seni manik dalam masyarakat Lun Bawang. Temu bual ini dijalankan secara dalam talian bagi mengatasi kekangan jarak dan masa serta memudahkan interaksi dengan informan yang berada di lokasi berbeza.

NAMA INFORMAN	KOD INFORMAN	UMUR	JANTINA	HURAIAN
Cik Lovelyyna	I1 - PSMT	20 (tahun)	Perempuan	Penerus Seni Manik Tradisional
Puan Grace	I2 - PMS	50 (tahun)	Perempuan	Pembuat Manik Sembilan
Encik Ladius Pandan	I3 - PADPB	60 (tahun)	Lelaki	Penjaga Adat dan Pencerita Budaya
Puan Bala	I4 - PMLB	38 (tahun)	Perempuan	Pengrajin Manik Lun Bawang
Encik Rinus Lawang	I5 - PMLB	42 (tahun)	Lelaki	Pengrajin Manik Lun Bawang
Cik Rebecca	I6 - PGM	23 (tahun)	Perempuan	Pewaris Generasi Muda

Jadual 1 : Senarai Nama Informan Yang Ditemubual Pengkaji

4.3 SEJARAH SENI MANIK LUN BAWANG



Gambar 4 : Komuniti Suku Kaum Lun Bawang

Sumber : Utusan Sarawak

Seni manik merupakan salah satu bentuk warisan budaya tidak ketara yang penting bagi suku kaum Lun Bawang, khususnya di kawasan Limbang, Sarawak. Amalan ini diwarisi secara turun temurun dan berfungsi bukan sahaja sebagai hiasan estetik, malah sebagai simbol sosial, penanda identiti kaum serta manifestasi kepercayaan tradisional. Dapatan ini selari dengan pandangan McIntosh (2001) yang menekankan bahawa kraf tradisional memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya dan hubungan sosial dalam masyarakat peribumi. Hujah ini turut diperkukuh oleh Smith (2006) yang menyatakan bahawa warisan budaya tak ketara seperti seni manik bukan sahaja mencerminkan nilai estetika, tetapi juga menyimpan makna simbolik dan kepercayaan yang diwarisi secara generasi ke generasi.

Seni manik dalam masyarakat Lun Bawang dipercayai diperkenalkan melalui jaringan perdagangan awal di Borneo, di mana manik kaca dan manik logam dibawa oleh pedagang dari China dan kepulauan lain. Pada mulanya, manik digunakan terutamanya dalam upacara adat dan ritual keagamaan, sebagai tanda status sosial atau sebagai alat pelindung. Dapatan ini sejajar dengan pandangan Reid (1988) yang menjelaskan bahawa perdagangan maritim awal di Asia Tenggara membawa masuk pelbagai jenis manik yang kemudian diadaptasi ke dalam budaya tempatan. Hujah ini turut diperkukuh oleh

Lieberman (2003) yang menegaskan bahawa objek import seperti manik bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, tetapi turut membawa nilai simbolik dan peranan sosial dalam masyarakat penerima.

Setiap corak dan warna manik mempunyai makna tersendiri. Contohnya, warna merah melambangkan keberanian dan tenaga, manakala warna putih sering dikaitkan dengan kesucian dan perlindungan. Perhiasan manik juga menandakan kedudukan individu dalam masyarakat, misalnya wanita yang sudah berkahwin, ketua adat, atau keluarga berpengaruh. Pernyataan ini selari dengan pandangan Cohen (1989) yang menegaskan bahawa penggunaan warna dan corak dalam kraf tradisional sering membawa makna simbolik dan sosial yang jelas dalam konteks budaya tempatan. Hujah ini turut diperkukuh oleh Miksic (2003) yang menyatakan bahawa hiasan badan dalam masyarakat Asia Tenggara bukan sekadar estetika, tetapi juga memainkan peranan dalam menandakan status, peranan dan identiti sosial individu.

4.4 JENIS PERHIASAN SENI MANIK LUN BAWANG

Seni manik Lun Bawang merupakan salah satu warisan budaya yang sarat dengan nilai estetika dan simbolik. Ia bukan sekadar perhiasan luaran, tetapi juga menzahirkan status sosial, identiti etnik, dan kepercayaan tradisional yang diwarisi sejak abad ke-19. Menurut Sibarani (2012), penggunaan manik dipercayai berkembang sebagai sebahagian daripada sistem pertukaran barangan dan simbol status sosial, di mana warna terang melambangkan kemakmuran keluarga dan kesejahteraan. Setiap jenis perhiasan mempunyai bentuk, corak dan fungsi tersendiri yang mencerminkan kreativiti serta kehalusan seni tangan masyarakat Lun Bawang.

Dari perspektif teori budaya material, perhiasan manik dapat difahami sebagai objek yang membawa makna sosial serta mencerminkan cara hidup sesuatu masyarakat. Miller (2010) menjelaskan bahawa budaya material bukan hanya merujuk kepada objek fizikal, tetapi juga bagaimana objek tersebut membentuk identiti, hubungan sosial dan

kesinambungan tradisi. Dalam konteks ini, pengenalanpastian jenis perhiasan manik membantu menonjolkan kepelbagaian ekspresi budaya Lun Bawang, manakala proses pembuatannya memperlihatkan kearifan tempatan melalui kemahiran tangan, pemilihan warna dan corak yang diwariskan secara turun-temurun. Selain itu, nilai simbolik yang terkandung dalam seni manik turut menyokong usaha pelestarian kerana objek budaya berfungsi sebagai medium pemindahan pengetahuan kepada generasi baharu. Oleh itu, seni manik bukan sekadar hasil kraftangan, tetapi merupakan representasi budaya material yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti dan warisan masyarakat Lun Bawang.

4.4.1 Jenis Perhiasan dan Fungsi Sosial

Perhiasan yang sering dilakukan menggunakan manik untuk suku kaum Lun Bawang adalah banih ataupun dalam bahasa melayunya rantai seterusnya kami juga ermm membuat empeta iaitu yang di atas kepala tu perhiasan kepala dan juga ini juga menggunakan manik Lun Bawang tersebut di atas ermm baju, baju tradisional dan juga beberapa perhiasan seperti beret..beret dan juga ermm gelang-gelang yang akan menggunakan manik Lun Bawang

Antara perhiasan yang lazim dihasilkan menggunakan manik dalam kalangan suku kaum Lun Bawang ialah banih, atau dalam bahasa Melayu disebut sebagai rantai. Selain itu, masyarakat Lun Bawang turut menghasilkan empeta, iaitu perhiasan kepala yang dipakai di bahagian atas kepala. Manik turut digunakan sebagai hiasan pada pakaian tradisional mereka, termasuk pada bahagian baju. Beberapa aksesori lain seperti beret tradisional serta gelang-gelang juga diperbuat menggunakan manik Lun Bawang.

KELANTAN

(II – PSMT)

Merujuk kepada ulasan Informan 1, masyarakat Lun Bawang menzahirkan kreativiti serta kehalusan seni tangan melalui penghasilan pelbagai jenis perhiasan berasaskan manik yang berfungsi sebagai elemen hiasan dan simbolik dalam konteks budaya tradisional. Dapatan ini selari dengan kajian Harrison (1959) yang menjelaskan bahawa perhiasan manik dalam kalangan masyarakat pribumi Sarawak bukan sahaja berperanan sebagai aksesori estetika, malah mencerminkan identiti suku, status sosial dan nilai budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Hujah ini turut diperkukuh oleh Chai (2016) yang menegaskan bahawa kraf tradisional seperti seni manik berfungsi sebagai medium penting dalam mengekalkan identiti budaya dan kesinambungan warisan masyarakat peribumi di Sarawak.

Antara perhiasan utama yang sering dihasilkan oleh masyarakat Lun Bawang ialah banih atau rantai leher yang melambangkan keanggunan wanita, diikuti dengan empeta iaitu hiasan kepala yang digunakan dalam upacara adat dan majlis istimewa. Penggunaan manik juga diaplikasikan pada pakaian tradisional, khususnya pada bahagian baju yang dihiasi dengan corak dan warna yang sarat dengan makna simbolik. Menurut Harrison (1959), aplikasi manik pada pakaian dan perhiasan badan mencerminkan kepelbagaian fungsi manik dalam kehidupan masyarakat tradisional, manakala Chai (2016) menyatakan bahawa variasi bentuk, warna dan susunan manik berperanan sebagai penanda identiti budaya serta kebanggaan terhadap warisan seni tempatan.



Gambar 5 : Gambar ini menunjukkan empeta, iaitu hiasan kepala seni manik Lun Bawang yang diperbuat daripada susunan manik berwarna. Hiasan ini lazim digunakan dalam upacara adat, terutamanya perkahwinan, serta melambangkan identiti dan keindahan seni tradisional kaum tersebut.

Sumber : Google Images



Gambar 6 : Seni Manik Rantai Banih Lun Bawang yang dipakai sebagai perhiasandiri dalam majlis adat dan pakaian tradisional masyarakat Lun Bawang. Reka bentuk serta gabungan warna manik melambangkan nilai estetika dan identiti budaya kaum tersebut.

Sumber : Facebook

4.4.2 Perubahan Fungsi dan Komersialisasi

Selain berperanan sebagai lambang keindahan dan identiti budaya, penggunaan manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang turut mengalami perubahan dari segi fungsi dan nilaikegunaannya sejajar dengan perkembangan sosial dan ekonomi semasa. Berdasarkan pemerhatian lapangan dan penjelasan informan, jika dahulunya manik digunakan terutamanya dalam penghasilan perhiasan tradisional bagi tujuan peribadi serta upacara adat, kini masyarakat Lun Bawang semakin kreatif dalam menyesuaikan seni manik dengan keperluan dan kehendak kontemporari. Perubahan fungsi ini selari dengan pandangan Chai (2016) yang menyatakan bahawa kraf tradisional masyarakat peribumi di Sarawak tidak bersifat statik, sebaliknya berkembang mengikut konteks semasa tanpa menghilangkanian nilai budaya asal. Hujah ini turut diperkukuh oleh Sather (2011) yang menegaskan bahawa penyesuaian fungsi kraf tradisional kepada pasaran moden merupakan salah satu strategi penting dalam memastikan kelangsungan dan kelestarian warisan budaya masyarakat

peribumi. Perkembangan ini turut diakui oleh salah seorang informan yang menyatakan bahawa :

Erm, untuk kegunaan manik tersebut arr jelas-jelasnya penggunaan manik tersebut adalah untuk membuat perhiasan. Namun, dalam dunia ini, erm perhias manik tersebut bukan sahaja digunakan untuk membuat perhiasan untuk kegunaan peribadi namun juga untuk digunakan untuk tujuan komersial jadi manik tersebut bukan sahaja erm digunakan untuk membuat perhiasan tapi juga boleh dijadikan err apatu produk komersial.

Secara umumnya, manik digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis perhiasan. Namun begitu, dalam konteks masa ini, perhiasan manik bukan lagi terhad kepada kegunaan peribadi sahaja, tetapi turut dihasilkan untuk tujuan komersial. Oleh itu, manik bukan sekadar digunakan bagi pembuatan perhiasan, malah turut dijadikan sebagai produk komersial yang mempunyai nilai pasaran.

(I2 – PMS)

Merujuk kepada penjelasan informan 2, dapat dirumuskan bahawa masyarakat Lun Bawang kini semakin kreatif dalam memanfaatkan seni pembuatan manik sebagai satu bentuk keusahawanan budaya yang berteraskan warisan tradisional. Perubahan fungsi ini memperlihatkan keupayaan komuniti tersebut menyesuaikan amalan budaya dengan kehendak pasaran moden tanpa mengabaikan nilai simbolik dan identiti asalnya. Dapatan ini selari dengan pandangan Graburn (2001) yang menjelaskan bahawa kraf tradisional masyarakat peribumi sering mengalami transformasi fungsi apabila disesuaikan dengan konteks ekonomi dan pelancongan, namun masih mengekalkan makna budaya yang mendasarinya. Hujah ini turut diperkukuh oleh Appadurai (1986) yang menegaskan bahawa objek budaya, termasuk hasil kraf, memperoleh nilai baharu melalui proses pertukaran dan pengkomersialan tanpa semestinya kehilangan kepentingan simbolik asal.

Hasil kraftangan berasaskan manik seperti rantai, gelang, hiasan kepala dan pelbagai aksesori lain bukan sahaja dihasilkan untuk kegunaan peribadi atau upacara adat,

tetapi turut dipasarkan kepada pelancong dan masyarakat luar sebagai produk komersial yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Menurut Graburn (2001), penghasilan kraf untuk pasaran luar berperanan sebagai medium penyebaran identiti budaya kepada khalayak yang lebih luas, manakala Appadurai (1986) menyatakan bahawa penglibatan komuniti dalam ekonomi budaya mampu menjana sumber pendapatan alternatif yang menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi setempat serta menyokong kelestarian warisan budaya tidak ketara.

4.4.3 Perbezaan Jenis Manik Mengikut Jantina

Selain menonjolkan keindahan dan kehalusan seni, penggunaan perhiasan manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang turut memperlihatkan perbezaan dari segi jantina serta fungsi pemakaiannya mengikut konteks sosial dan budaya tertentu. Setiap jenis perhiasan yang dihasilkan mempunyai peranan dan makna tersendiri sama ada dipakai oleh lelaki atau wanita, khususnya dalam situasi seperti upacara adat, majlis perayaan dan kegunaan harian. Dapatan ini selari dengan pandangan Harrison (1959) yang menjelaskan bahawa perhiasan manik dalam kalangan masyarakat peribumi di Sarawak sering berfungsi sebagai penanda jantina, peranan sosial dan kedudukan individu dalam komuniti. Hujah ini turut diperkukuh oleh Voon (2006) yang menyatakan bahawa perbezaan bentuk, corak dan cara pemakaian perhiasan tradisional dalam kalangan masyarakat etnik di Borneo berkait rapat dengan pembahagian peranan gender serta norma budaya yang diamalkan secara turun-temurun. Hal ini turut dijelaskan oleh salah seorang informan yang menyatakan bahawa :

Untuk perhiasan manik tersebut, ermm ada ada beberapa perhiasan tu bulih digunakan oleh kedua-dua jantina contohnya iaitu gelang err dan juga rantai iaitu banih, kedua ermm perhiasan ini boleh digunakan oleh kedua-dua err jantina lelaki dan perempuan manakala untuk perhiasan lain lebih khususnya digunakan untuk perempuan iaitu peta dan juga beret.

Bagi perhiasan manik, terdapat beberapa jenis perhiasan yang boleh dipakai oleh kedua-dua jantina, antaranya gelang dan rantai yang dikenali sebagai banih. Kedua-dua perhiasan ini sesuai digunakan oleh lelaki dan perempuan. Namun demikian, terdapat juga perhiasan lain yang lebih khusus dipakai oleh kaum perempuan, seperti peta dan beret.

(I1 – PSMT)

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, jelas menunjukkan bahawa pemakaian perhiasan manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang mempunyai pembahagian tertentu mengikut jantina serta konteks penggunaannya. Perhiasan seperti banih (rantai) dan gelang dikenal pasti sebagai perhiasan serba guna yang boleh dipakai oleh lelaki dan wanita tanpa mengira usia, sama ada dalam kehidupan seharian mahupun pada majlis tertentu. Sebaliknya, perhiasan seperti peta dan beret didapati lebih eksklusif kepada kaum wanita, khususnya ketika menghadiri majlis adat dan upacara tradisional. Dapatan ini selari dengan pandangan Barnes (1997) yang menyatakan bahawa dalam kebanyakan masyarakat tradisional di Asia Tenggara, perhiasan badan sering dibezakan mengikut jantina sebagai satu bentuk penandaan peranan sosial dan norma budaya. Hujah ini turut diperkukuh oleh Graburn (2001) yang menegaskan bahawa perhiasan tradisional bukan sekadar elemen estetika, malah berfungsi sebagai simbol identiti, gender dan kedudukan sosial dalam sesebuah komuniti peribumi.

Pembahagian pemakaian perhiasan ini bukan sahaja memperlihatkan keindahan seni manik, tetapi turut mencerminkan nilai simbolik dan makna budaya yang tersirat dalam kehidupan masyarakat Lun Bawang. Melalui jenis perhiasan yang dipakai, seseorang individu bukan sahaja mengekspresikan identiti diri dan penghargaan terhadap seni tradisional, malah menzahirkan kedudukan serta tanggungjawab sosial dalam struktur komuniti. Menurut Barnes (1997), perhiasan tradisional berfungsi sebagai medium komunikasi visual yang menyampaikan maklumat berkaitan peranan sosial dan jantina, manakala Graburn (2001) menyatakan bahawa simbolisme dalam seni hiasan badan memainkan peranan penting dalam mengekalkan struktur sosial dan kesinambungan budaya masyarakat peribumi.

4.4.4 Bahan dan Teknik Pembuatan

Selain perbezaan dari segi fungsi dan jantina pemakai, seni pembuatan manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang turut mengalami perubahan dari aspek bahan dan teknik penghasilannya. Perkembangan zaman dan kemajuan teknologi telah membawa kepada kepelbagaian bahan yang digunakan dalam pembuatan manik berbanding dengan amalan tradisional yang lebih bergantung kepada sumber semula jadi. Hal ini turut dinyatakan oleh salah seorang informan yang menjelaskan bahawa :

Pada pada awal ehem pada awalnya manik ini diperbuat daripada kaca namun kini ermm manik tersebut banyak yang diperbuat daripada bahan bahan lain seperti seramik dan juga plastik.

Pada asalnya, manik dihasilkan daripada kaca. Namun, pada masa kini, manik banyak diperbuat daripada pelbagai bahan lain seperti seramik dan plastik.

(I4 – PMLB)

Merujuk penjelasan informan 4, dapat dilihat bahawa bahan yang digunakan dalam pembuatan manik masyarakat Lun Bawang telah mengalami perubahan sejajar dengan perkembangan zaman. Dahulunya, manik diperbuat daripada kaca yang sukar diperolehi dan hanya digunakan oleh golongan tertentu kerana nilainya yang tinggi. Namun kini, manik moden lebih mudah didapati kerana dihasilkan daripada bahan seperti seramik dan plastik yang lebih ringan, murah, serta mudah dibentuk. Perubahan ini secara tidak langsung mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Lun Bawang dalam menyesuaikan seni tradisional mereka dengan sumber dan teknologi semasa tanpa mengorbankan nilai estetik serta makna budaya yang terkandung dalam setiap hasil karya. Adaptasi ini juga membuktikan bahawa seni manik masih kekal relevan dan mampu bertahan dalam arus perubahan moden selari dengan usaha masyarakat setempat untuk memelihara warisan budaya mereka secara berterusan.

4.4.5 Bahan dan Teknik Pembuatan

Selain perubahan dari segi bahan pembuatan, keunikan seni manik masyarakat Lun Bawang juga dapat dilihat melalui corak dan motif yang dihasilkan. Setiap corak yang direka bukan sekadar hiasan semata-mata tetapi mempunyai nilai estetika dan makna simbolik tersendiri yang menggambarkan identiti serta pilihan estetika masyarakat tersebut. Menurut Hwei Cheah (2014), karya manik dalam budaya Melayu tradisional mencerminkan hubungan antara susunan warna, bentuk geometri dan makna budaya. Manakala, menurut Siti Nur Ayu Nuwin Johan (2020) pula menekankan bagaimana elemen warna dan susun atur motif dalam kraf masyarakat Orang Asli dijana daripada inspirasi alam semula jadi dan warisan budaya. Gabungan warna, bentuk dan susunan manik yang harmoni melambangkan kreativiti serta kepekaan penghasilnya terhadap keseimbangan dan keindahan seni tradisi. Menurut salah seorang responden :

Kebiasaannya corak tersebut dihasilkan arr corak tersebut dihasilkan di apatu berdasarkan warna, warna jadi gabungan warna tersebut adalah salah satu sumber inspirasilah untuk motif tersebut.

Kebiasaannya, corak tersebut dihasilkan berdasarkan kombinasi warna. Gabungan warna-warna inilah yang menjadi salah satu sumber inspirasi dalam pembentukan motif tersebut.

(I1 – PSMT)

Berdasarkan penjelasan Informan 1, jelas menunjukkan bahawa pemilihan warna memainkan peranan yang penting dalam penghasilan corak dan motif seni manik masyarakat Lun Bawang. Gabungan warna yang digunakan bukan sahaja bertujuan memperindah reka bentuk perhiasan, malah mencerminkan citarasa estetik, nilai simbolik serta kepercayaan budaya yang diamalkan oleh komuniti tersebut. Dapatan ini selari dengan pandangan Barnes (1997) yang menjelaskan bahawa warna dalam perhiasan tradisional masyarakat Asia Tenggara berfungsi sebagai medium simbolik yang berkait rapat dengan identiti budaya, peranan sosial dan tafsiran estetika setempat. Hujah ini turut diperkukuh oleh Hoskins (1998) yang menegaskan bahawa pemilihan warna dalam seni dan kraf tradisional sering dipengaruhi oleh persekitaran alam serta kepercayaan kosmologi

masyarakat, sekali gus menjadikan warna sebagai sumber inspirasi utama dalam penghasilan motif dan corak hiasan.

Dalam konteks masyarakat Lun Bawang, penggunaan warna dalam seni manik dapat ditafsirkan sebagai refleksi hubungan manusia dengan alam sekitar serta manifestasi nilai budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Menurut Barnes (1997), warna bukan sekadar elemen visual tetapi membawa makna budaya yang tersirat. Manakala, menurut Hoskins (1998) menyatakan bahawa kesinambungan penggunaan warna tradisional mencerminkan usaha komuniti mengekalkan memori kolektif dan identiti budaya melalui ekspresi seni.

4.4.6 Corak, Motif, dan Semiotik Budaya

Seiring dengan peranan perkembangan zaman, seni pembuatan manik masyarakat Lun Bawang turut memperlihatkan penyesuaian dan perubahan dari segi corak serta motif yang dihasilkan. Walaupun asas reka bentuk dan penggunaan warna tradisional masih dikekalkan, generasi masa kini telah mula menambah elemen baharu bagi menyesuaikan hasil seni tersebut dengan cita rasa moden dan kehendak pasaran semasa. Perubahan ini menunjukkan kebolehan masyarakat Lun Bawang untuk mengekalkan nilai tradisi sambil berinovasi dalam menghasilkan rekaan yang lebih segar dan relevan. Dapatan ini selari dengan pandangan Graburn (2001) yang menyatakan bahawa kraf tradisional masyarakat peribumi bersifat dinamik dan sentiasa mengalami proses transformasi selaras dengan perubahan sosial dan ekonomi tanpa menjejaskan identiti budaya asal. Hujah ini turut diperkukuh oleh Appadurai (1986) yang menegaskan bahawa inovasi dalam penghasilan objek budaya merupakan satu bentuk strategi penyesuaian bagi memastikan kesinambungan nilai tradisi dalam konteks moden.

Untuk sekarang ermm dari motifnya ya. Dari motifnya adalah perubahan sedikit dari erm masa ke semasa namun, err untuk apatu untuk warnanya

masih lagi kami kekalkan warna yang sama cuma motifnya sajalah mengikut peredaran masa.

Pada masa kini, terdapat sedikit perubahan pada motif yang dihasilkan, selaras dengan peredaran masa. Namun begitu, aspek warna masih dikekalkan sebagaimana dahulu, hanya motifnya sahaja yang mengalami perubahan mengikut perkembangan semasa.

(I4 – PMLB)

Berdasarkan kenyataan informan 4, masyarakat Lun Bawang masih mengekalkan identiti tradisional melalui penggunaan warna asal yang mempunyai makna tersendiri dalam setiap rekaan manik, walaupun motif telah disesuaikan mengikut kehendak semasa. Dapatan ini selari dengan pandangan Miller (1998) yang menyatakan bahawa kraf tradisional sentiasa mengalami transformasi untuk menyesuaikan diri dengan konteks sosial moden tanpa mengabaikan nilai asalnya. Hujah ini turut disokong oleh Ingold (2000) yang menegaskan bahawa evolusi corak dan rekaan dalam kraf tradisional mencerminkan kreativiti penghasilnya sekaligus mengekalkan kesinambungan estetika dan simbolisme budaya.

Di samping itu, seiring dengan peredaran masa dan pengaruh luar, seni reka corak manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang turut mengalami transformasi yang ketara. Dahulunya, motif-motif yang digunakan banyak berasaskan alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan, bentuk geometri, dan unsur flora yang mencerminkan hubungan rapat masyarakat ini dengan alam sekitar. Namun, generasi baharu kini mula memperkenalkan elemen moden dalam corak rekaan manik mereka selaras dengan perubahan cita rasa dan trend semasa. Perubahan ini dapat dilihat bukan sahaja pada gaya dan bentuk, tetapi juga pada simbolisme yang dibawa oleh setiap motif yang dihasilkan. Hal ini turut dijelaskan oleh salah seorang responden yang menyatakan bahawa :

Yang paling ketara, pada sekarang adalah arr motif dialah beza sebab pada dahulu kala motif dia lebih bermotifkan erm apatu batik ataupun err ataupun tumbuh-tumbuhan melikar, tapi pada motif sekarang dia lebih

bermotifkan erm seperti bentuk love dan juga bunga-bunga arr begitu, jadi dia erm motif tersebutlah nampak paling ketara berbeza dari yang dahulu punya.

Perubahan yang paling ketara pada masa kini ialah pada motifnya. Dahulu, motif yang digunakan lebih berasaskan reka bentuk tradisional seperti corak batik atau unsur tumbuh-tumbuhan melilit. Namun kini, motif yang dihasilkan cenderung kepada bentuk moden seperti bentuk hati dan bunga-bunga. Oleh itu, perbezaan motif inilah yang paling jelas membezakan hasil sekarang dengan yang dahulu.

(I4 – PMLB)

Merujuk penjelasan informan tersebut, jelas menunjukkan bahawa perubahan corak dan motif manik masyarakat Lun Bawang dipengaruhi oleh arus kemodenan dan cita rasa generasi masa kini. Jika dahulu, motif berasaskan flora, fauna dan bentuk geometri mencerminkan hubungan rapat masyarakat ini dengan alam semula jadi, kini corak yang lebih moden seperti bentuk hati (*love*), bunga, dan simbol kontemporari lain semakin mendapat tempat. Fenomena ini menunjukkan adanya proses adaptasi budaya yang pengrajin manik berusaha menyesuaikan hasil karya mereka agar lebih relevan dengan kehendak pasaran dan minat pengguna muda tanpa meninggalkan sepenuhnya nilai tradisional yang diwarisi. Perubahan ini juga memperlihatkan keseimbangan antara pemeliharaan identiti budaya dengan penerimaan unsur baharu dalam seni manik masyarakat Lun Bawang.



Gambar 7 : menunjukkan seni manik tali pinggang (beret) dengan corak moden yang lebih kompleks. Beret ini digunakan oleh wanita dalam majlis adat tertentu. Gabungan motif tradisional dan moden memperlihatkan proses adaptasi budaya dan kreativiti pengrajin dalam menyesuaikan warisan dengan citarasa kontemporari.

Sumber : Facebook

Secara keseluruhan, seni manik Lun Bawang bukan sekadar manifestasi estetika, tetapi lambang kesinambungan identiti etnik yang sentiasa berevolusi. Perhiasan manik mencerminkan status sosial, identiti budaya, dan kreativiti penghasilnya. Walaupun berdepan arus kemodenan, masyarakat Lun Bawang berjaya mengekalkan nilai tradisi sambil berinovasi, menjadikan seni manik sebagai medium warisan yang hidup dan dinamik. Transformasi fungsi, bahan, motif, dan penggunaan komersial memperlihatkan bagaimana budaya tradisional boleh bertahan melalui adaptasi yang berterusan, selaras dengan prinsip UNESCO mengenai pemeliharaan warisan tak ketara.

4.5 KEARIFAN TEMPATAN DALAM PENGHASILAN SENI MANIK LUN BAWANG

Kearifan tempatan masyarakat Lun Bawang dapat dilihat melalui kemahiran dan pengetahuan tradisional mereka dalam menghasilkan pelbagai jenis seni manik yang unik dan penuh makna simbolik. Penghasilan manik bukan sekadar aktiviti kraftangan, tetapi juga mencerminkan warisan budaya, nilai estetika, dan identiti masyarakat tersebut. Menurut Sibarani (2012) kearifan tempatan merujuk kepada pengetahuan, kemahiran serta nilai budaya yang terbentuk melalui pengalaman kolektif sesuatu masyarakat dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial, ekonomi dan alam sekitar mereka. Dalam konteks seni manik Lun Bawang, kearifan tempatan ini terserlah melalui penguasaan kemahiran tradisional, pemahaman simbolik serta nilai estetika yang diwarisi secara turun-temurun dan terus diamalkan dalam kehidupan masyarakat sehingga ke hari ini.

Penghasilan seni manik Lun Bawang bukan sekadar aktiviti kraftangan, sebaliknya merupakan satu manifestasi identiti budaya yang menggabungkan aspek pengetahuan tradisional, sistem nilai dan struktur sosial masyarakat. Setiap perhiasan manik yang dihasilkan mencerminkan kefahaman mendalam terhadap fungsi budaya, simbolisme serta peranan sosial perhiasan tersebut dalam kehidupan masyarakat Lun Bawang.

4.5.1 Warisan dan Pemindahan Ilmu

Kearifan tempatan dalam seni manik Lun Bawang dapat dikenal pasti melalui kaedah pemindahan ilmu yang berasaskan warisan keluarga. Berdasarkan temu bual bersama informan, kemahiran menghasilkan perhiasan manik lazimnya dipelajari sejak usia muda melalui pemerhatian, latihan dan bimbingan ahli keluarga terdekat seperti ibu dan nenek. Pendekatan pewarisan kemahiran melalui keluarga ini sejajar dengan kajian Rountree & Jenkins (2007) yang menegaskan bahawa pembelajaran tradisional dalam komuniti pribumi selalunya berlaku secara informal melalui penglibatan keluarga, pemerhatian dan latihan langsung, yang membolehkan kemahiran dan nilai budaya dipindahkan dari satu generasi ke generasi berikutnya.

Saya pelajari ini dari yang pertamanya memang dari minat dan saya mempelajari ini daripada nenek saya dan juga ibu saya. Saya mempelajari kemahiran ini pada mulanya kerana minat, dan saya turut mempelajarinya daripada nenek serta ibu saya.

Saya mempelajari kemahiran ini pada mulanya kerana minat, dan saya memperolehnya daripada nenek serta ibu saya.

(I6 – PGM)

Merujuk informan 1, proses pembelajaran kemahiran membuat manik dalam kalangan masyarakat Lun Bawang banyak bergantung kepada warisan turun-temurun

daripada generasi terdahulu. Pengetahuan ini lazimnya disampaikan secara tidak formal melalui pemerhatian dan latihan bersama ahli keluarga terdekat seperti ibu atau nenek. Hal ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan masyarakat Lun Bawang bukan sahaja melibatkan kemahiran tangan dalam menghasilkan manik tetapi turut mencerminkan nilai sosial dan kekeluargaan yang tinggi. Minat yang mendalam serta rasa tanggungjawab untuk meneruskan tradisi menjadi faktor utama yang mendorong generasi muda untuk mempelajari seni pembuatan manik ini. Justeru, kearifan tempatan dalam kalangan masyarakat Lun Bawang dapat dilihat sebagai satu bentuk kesinambungan budaya yang penting bagi mengekalkan identiti dan warisan seni mereka.

Selain pewarisan dalam keluarga, pemindahan ilmu turut diperluas melalui penglibatan komuniti. Penggiat seni manik Lun Bawang sering menganjurkan bengkel dan kelas kraftangan di peringkat kampung dan daerah sebagai usaha memperluas akses pembelajaran kepada masyarakat. Pendekatan pembelajaran berasaskan komuniti ini selari dengan konsep *communities of practice* yang diketengahkan oleh Lave dan Wenger (1991), yang menegaskan bahawa pengetahuan dan kemahiran tradisional dipindahkan secara berkesan melalui penglibatan aktif dalam amalan bersama di peringkat komuniti.

Kebiasaannya yang akan mengajar ini adalah berasal dari keluarga sendiri dan ada beberapa ahli ataupun memang ahli kraftangan, sering melakukan bengkel dan juga kelaslah di kampung mahupun di sebuah daerah.

Kebiasaannya, ilmu ini diajar oleh ahli keluarga sendiri. Selain itu, terdapat juga beberapa individu atau penggiat kraftangan yang kerap menganjurkan bengkel dan kelas sama ada di perkampungan mahupun di peringkat daerah.

(I3 – PADPB)

Kenyataan informan 3, menunjukkan bahawa pemindahan kemahiran dalam penghasilan seni manik bukan sahaja diwarisi secara turun-temurun, malah turut diperluas

melalui perkongsian ilmu dalam komuniti. Amalan mengadakan bengkel dan kelas di peringkat kampung atau daerah membuktikan bahawa masyarakat Lun Bawang amat menghargai proses pembelajaran bersama dan semangat gotong-royong dalam mengekalkan warisan mereka. Ini juga menggambarkan kearifan tempatan yang tinggi dalam memelihara kesinambungan seni tradisional agar generasi muda dapat terus menguasai dan menghayatinya sebagai identiti budaya mereka.

4.5.2 Proses Penghasilan dan Nilai Estetika

Dalam proses penghasilan seni manik Lun Bawang, setiap langkah yang diambil mempunyai makna dan tujuan tersendiri. Ia bukan sekadar kerja tangan, tetapi satu bentuk seni yang memerlukan ketelitian, kesabaran serta kepekaan terhadap nilai budaya yang diwarisi. Proses ini melibatkan beberapa peringkat utama seperti pemilihan bahan, penyusunan corak, dan penentuan warna yang bersesuaian dengan fungsi serta simbolik reka bentuk tersebut. Pernyataan ini turut disokong oleh Zakaria (2025), mengenai amalan kraftangan tradisional yang menekankan bahawa pemilihan bahan, corak dan warna bukan sahaja memerlukan kemahiran teknikal tetapi juga pemahaman estetika budaya yang mendalam, di mana proses reka bentuk corak sering dipengaruhi oleh nilai budaya yang diwariskan secara turun-temurun dalam komuniti penggiat kraf tempatan.

Langkah utamanya adalah yang pertama adalah memilih manik. Sebab proses pemilihan manik ni amat penting untuk menentukan corak, dan juga warna yang akan anda hasilkan nanti.

Langkah utama yang pertama ialah memilih manik, kerana proses pemilihan manik amat penting untuk menentukan corak dan warna yang akan dihasilkan.

(I5 – PMLB)

Merujuk hasil kenyataan informan 5, pemilihan manik bukan sekadar berdasarkan aspek visual, tetapi turut mengambil kira kesesuaian dengan corak tradisional yang menjadi identiti seni manik Lun Bawang. Setiap gabungan warna dan corak mencerminkan nilai estetika yang diwarisi serta kepekaan pengrajin terhadap kehalusan seni tradisional. Pemilihan manik bukan sahaja berdasarkan warna dan saiz tetapi juga mengambil kira kesesuaian corak tradisional yang menjadi identiti masyarakat Lun Bawang. Setiap gabungan warna mempunyai makna tersendiri seperti melambangkan status, adat dan nilai simbolik tertentu dalam masyarakat. Merujuk Mahfar & Jusilin (2017), hasil kajian mereka ke atas seni manik masyarakat Rungus di Sabah menunjukkan bahawa corak dan simbolisme motif manik bukan sahaja mencerminkan identiti budaya tetapi juga membawa makna tersirat yang berkaitan dengan pandangan hidup, nilai serta warisan komuniti, di mana pemilihan warna, bentuk dan susunan motif memberikan naratif budaya yang penting kepada pembuat dan pemakai.

Selain daripada kemahiran dalam memilih manik dan menentukan corak, aspek masa juga merupakan elemen penting dalam penghasilan seni manik masyarakat Lun Bawang. Tempoh menyiapkan sesuatu perhiasan bergantung kepada jenis, bentuk dan tahap kerumitannya. Setiap hasil buatan tangan memerlukan ketelitian tinggi serta kesabaran yang mendalam kerana prosesnya dilakukan secara manual tanpa bantuan peralatan moden. Bagi penggiat seni manik tradisional, tempoh masa yang panjang bukanlah halangan sebaliknya dianggap sebagai satu bentuk dedikasi terhadap seni dan warisan nenek moyang mereka.

Untuk perhiasan manik, dia ermm dia bergantung dengan saiz dan juga jenis untuk banih ataupun rantai dia lebih kurang mengambil masa mungkin dalam seminggu ataupun lebih daripada satu atau dua minggu. Namun, ermm kalau untuk perhiasan lain yang lebih rumit seperti beret tali pinggang yang ini dia bergantung kepada saiz ermm pinggang seseorang kalau besar mungkin dia ambil lebih daripada dua bulan kalau dia kecil mungkin satu bulan pun siap.

Bagi perhiasan manik, tempoh pembuatannya bergantung pada saiz dan jenis. Untuk banih atau rantai, prosesnya biasanya mengambil masa sekitar satu minggu, atau mungkin lebih sehingga satu atau dua minggu. Namun, bagi perhiasan lain yang lebih rumit seperti beret tali pinggang, tempohnya bergantung pada saiz pinggang seseorang. Jika saiznya besar, prosesnya mungkin mengambil masa lebih daripada dua bulan, jika lebih kecil, ia mungkin dapat disiapkan dalam tempoh sekitar satu bulan.

(I1 – PSMT)

Merujuk informan 1, proses pembuatan perhiasan manik masyarakat Lun Bawang memerlukan masa yang panjang dan tahap ketelitian yang tinggi. Setiap jenis perhiasan mempunyai tahap kesukaran yang berbeza bergantung kepada reka bentuk, saiz, dan fungsi penggunaannya. Tempoh masa yang panjang ini menggambarkan dedikasi pengrajin terhadap kualiti dan keaslian hasil seni. Ketekunan dan kesabaran dianggap sebagai nilai penting yang mencerminkan kearifan tempatan dalam penghasilan seni manik Lun Bawang.

4.5.3 Simbolisme Warna, Corak dan Jantina

Dalam penghasilan seni manik Lun Bawang, penggunaan peralatan dan bahan tradisional memainkan peranan penting dalam menentukan keaslian serta nilai warisan sesuatu perhiasan. Walaupun sebahagian peralatan lama semakin sukar diperoleh akibat perubahan zaman dan kemasukan bahan moden, masyarakat setempat masih berusaha mengekalkan unsur tradisi tersebut dalam proses pembuatan mereka. Antara peralatan yang digunakan bukan sekadar berfungsi secara praktikal, tetapi turut membawa makna simbolik tertentu yang menggambarkan identiti budaya dan nilai spiritual masyarakat Lun Bawang.

Ohh ni, untuk err perhiasan manik dia ada mungkin ada kami apatu mungkin kini kita tidak dapat nampak sudah apa dia punya peralatan tradisional tapi apa yang saya tahu untuk perhiasan apa yang peralatan tradisional dia adalah loncenglah, lonceng dalam setiap perhiasantu. Sebab

lonceng yang masih digunakan adalah ada yang berketurunan dari turun-temurun ada yang memang dijual khas ja untuk perhiasan tersebut.

Bagi perhiasan manik, terdapat beberapa peralatan tradisional yang mungkin kini sukar dilihat. Namun, berdasarkan pengetahuan saya, salah satu peralatan tradisional yang digunakan ialah lonceng yang diletakkan pada setiap perhiasan. Lonceng yang digunakan ada yang diwarisi secara turun-temurun, dan ada juga yang dijual khas untuk kegunaan perhiasan tersebut.

(I6 – PGM)

Merujuk kepada informan 6, beliau menjelaskan bahawa penggunaan peralatan tradisional seperti lonceng dalam pembuatan perhiasan manik masih dikekalkan hingga kini meskipun sebahagian peralatan lama semakin sukar diperolehi. Lonceng bukan sekadar hiasan tambahan, tetapi mempunyai nilai simbolik yang tinggi dalam budaya masyarakat Lun Bawang. Dalam seni manik, lonceng digunakan pada gelang, kalung, dan tali pinggang untuk menambah elemen bunyi yang lembut ketika pemakai bergerak, sekaligus menyerlahkan estetika perhiasan tersebut. Selain itu, lonceng juga sering dikaitkan dengan simbol identiti, status sosial, dan fungsi ritual, di mana kehadirannya dipercayai membawa kesejahteraan dan perlindungan semasa upacara tradisional. Pernyataan ini turut disokong oleh Symbolystic (2025), yang menegaskan bahawa alat tradisional seperti lonceng atau objek ritual membawa makna simbolik mendalam, menjadi tanda identiti komuniti, dan memainkan peranan penting dalam upacara serta kehidupan budaya mereka, menjadikan objek tersebut bukan sekadar hiasan tetapi juga pembawa nilai sosial dan warisan budaya.

Selain peraturan tidak formal, pemilihan warna dan corak dalam pembuatan perhiasan manik juga memainkan peranan penting dalam menonjolkan identiti dan simbolisme budaya masyarakat Lun Bawang. Warna dan corak yang digunakan bukan sekadar hiasan semata-mata tetapi mempunyai makna tersendiri yang menggambarkan status, kepercayaan serta tujuan penggunaan perhiasan tersebut. Setiap corak dan gabungan warna biasanya dipilih dengan teliti agar sesuai dengan konteks majlis atau individu yang

memakainya sekali gus mencerminkan nilai estetika dan kearifan tempatan yang diwarisi turun-temurun.

Untuk pemilihan warna dan corak tersebut adalah berdasarkan ermm design ataupun ermm yang akan anda pakai. Jika anda ermm jika anda ingin memakai untuk tujuan hantaran kahwin mungkin coraknya lebih kepada ermm corak simbol ataupun lebih kepada corakcorak terkini. Namun, kalau dia lebih kepada keramaian tradisional mungkin kami lebih menggunakan corak-corak yang lagi dahululah yang bunga belingkar dan juga.

Pemilihan warna dan corak bergantung pada rekaan atau jenis perhiasan yang akan dipakai. Jika ia digunakan untuk hantaran perkahwinan, coraknya mungkin lebih menampilkan simbol tertentu atau corak-corak moden. Namun, jika digunakan untuk majlis keramaian tradisional, kami cenderung memilih corak yang lebih lama seperti corak bunga berlingkar dan seumpamanya.

(I1 – PSMT)

Berdasarkan penjelasan informan 1, dapat dilihat bahawa pemilihan warna dan corak dalam penghasilan manik bukanlah dilakukan secara rawak, sebaliknya ditentukan mengikut tujuan serta konteks pemakaiannya. Warna-warna tertentu membawa maksud simbolik tersendiri manakala corak yang dipilih pula menggambarkan keindahan dan nilai estetika masyarakat Lun Bawang. Gabungan warna yang harmoni dianggap sebagai lambang kesejahteraan dan perpaduan manakala corak tradisional seperti motif bunga dan lingkaran sering digunakan dalam acara kebudayaan serta majlis rasmi. Ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan masyarakat Lun Bawang terserlah melalui kepekaan mereka terhadap makna di sebalik setiap corak dan warna yang digunakan dalam penghasilan seni manik tradisional.

Di samping itu, dalam masyarakat Lun Bawang, perhiasan manik bukan sekadar elemen hiasan tetapi juga memegang makna budaya dan identiti gender. Setiap perhiasan yang dipakai lelaki dan perempuan mempunyai ciri tersendiri dari segi saiz, warna, dan bahan yang digunakan. Misalnya, perhiasan yang dikenali sebagai banih atau rantai manik sering menjadi simbol status dan keindahan diri tetapi cara pemakaian dan reka bentuknya berbeza mengikut jantina.

Ya, berbeza sebab jenis dan perhiasan yang digunakan oleh lelaki dan perempuan juga berbeza untuk lebih jelas untuk perhiasan banih iaitu rantai boleh digunakan oleh kedua-dua itu dia berbeza sebab kalau perempuan dia punya dia menggunakan manik yang lebih kecil dan lebih halus manakala untuk lelaki mereka lebih menggunakan manik besar yang diperbuat daripada kaca dan seramik jadi prosesnya juga lebih rumit kepada yang perhiasan perempuanlah berbanding dengan perhiasan lelaki.

Ya, terdapat perbezaan kerana jenis dan perhiasan yang digunakan oleh lelaki dan perempuan juga tidak sama. Sebagai contoh, perhiasan banih atau rantai boleh digunakan oleh kedua-duanya, namun terdapat perbezaan dari segi pembuatannya. Bagi perempuan, mereka menggunakan manik yang lebih kecil dan halus, manakala lelaki lebih cenderung menggunakan manik bersaiz besar yang diperbuat daripada kaca atau seramik. Oleh itu, proses pembuatannya juga lebih rumit bagi perhiasan wanita berbanding perhiasan lelaki.

(I4 – PMLB)

Merujuk kepada informan 4, jelas bahawa pemilihan manik oleh lelaki dan perempuan bukan sahaja dipengaruhi oleh estetika tetapi juga oleh fungsi dan simbolisme budaya. Manik kecil dan halus yang digunakan oleh perempuan menunjukkan kehalusan dan kemahiran tangan manakala manik besar yang digunakan oleh lelaki menekankan kekuatan dan keberanian. Selain itu, perbezaan bahan seperti kaca dan seramik turut menambah tahap kerumitan dalam penghasilan perhiasan terutamanya bagi perhiasan

perempuan yang memerlukan ketelitian dan ketekunan tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa setiap perhiasan manik mempunyai nilai budaya tersendiri dan mencerminkan identiti sosial penggunanya.

Dalam penghasilan perhiasan manik, corak yang digunakan memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti dan estetika budaya Lun Bawang. Setiap corak bukan sahaja mempunyai nilai seni, tetapi juga mengandungi makna simbolik yang diwarisi turun temurun. Oleh itu, pengrajin cenderung mengikuti corak tradisional yang telah dikenal pasti sesuai bagi memastikan hasil kraftangan mengekalkan kesahihan budaya dan tidak menghilangkan ciri khasnya.

Untuk sekarang, untuk sekarang memang erm corak itu ditetapkan untuk menggunakan corak yang telah disarankan oleh ermm ahli, ahli untuk kraftangan tersebut, jadi untuk corak bebas itu kami tidak sarankanlah sebab corak tersebut tidak sesuai dan juga membawa unsur-unsur lain.

Pada masa kini, corak yang digunakan telah ditetapkan mengikut saranan ahli kraftangan. Oleh itu, corak bebas tidak digalakkan kerana ia dianggap tidak sesuai dan boleh membawa unsur-unsur lain yang tidak diingini.

(I2 – PMS)

Merujuk penjelasan responden, jelas bahawa pemilihan manik oleh lelaki dan perempuan bukan sahaja dipengaruhi oleh estetika tetapi juga oleh fungsi dan simbolisme budaya. Manik kecil dan halus yang digunakan oleh perempuan menunjukkan kehalusan dan kemahiran tangan manakala manik besar yang digunakan oleh lelaki menekankan kekuatan dan keberanian. Selain itu, perbezaan bahan seperti kaca dan seramik turut menambah tahap kerumitan dalam penghasilan perhiasan terutamanya bagi perhiasan perempuan yang memerlukan ketelitian dan ketekunan tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa setiap perhiasan manik mempunyai nilai budaya tersendiri dan mencerminkan identiti sosial penggunanya.

4.5.4 Transformasi dan Kelestarian Seni Manik

Akhir sekali, perhiasan manik dalam masyarakat Lun Bawang dahulu sering dikaitkan dengan upacara keagamaan dan adat tertentu seperti majlis perkahwinan atau upacara penanda umur. Namun, seiring dengan perkembangan zaman moden, banyak upacara tradisional ini tidak lagi diamalkan secara meluas. Merujuk Zainuddin (2023), fenomena perubahan tradisi ini juga diperakui dalam kajian antropologi yang menunjukkan bahawa kaum pribumi di banyak tempat mengalami transformasi amalan adat kerana tekanan pemodenan, urbanisasi dan perubahan sosial, di mana tradisi-tradisi lama semakin sukar dipraktikkan dalam kehidupan seharian generasi muda. Walaupun begitu, nilai estetika dan simbolik perhiasan manik masih dikekalkan melalui pameran dan penyertaan dalam acara kebudayaan, pesta keramaian atau yang dianjurkan khusus untuk menonjolkan identiti dan warisan budaya Lun Bawang.

Untuk upacara itu, untuk pada zaman moden sekarang upacara itu mungkin tiada sudah tapi apa yang acara atau event yang selalu mempamerkan ermm perhiasan manik ini adalah pada irau atau acara Lun Bawang ataupun daripada pesta keramaian untuk bangsa Lun Bawang, dari situ kami mula mempamerkan ermm apatu perhiasan-perhiasan maniklah daripada kaum Lun Bawang.

Pada masa kini, upacara tersebut mungkin tidak lagi diadakan, namun perhiasan manik ini sering dipamerkan dalam acara seperti irau atau majlis masyarakat Lun Bawang, serta pesta keramaian kaum tersebut. Melalui acara-acara inilah perhiasan manik masyarakat Lun Bawang biasanya dipertontonkan.

(I3 – PADPB)

Berdasarkan petikan temu bual di atas oleh informan 3, jelas bahawa walaupun fungsi ritual semakin berkurangan, seni manik Lun Bawang terus dilestarikan melalui pameran, bengkel dan penyertaan dalam acara kebudayaan. Usaha ini membolehkan perhiasan manik berfungsi sebagai medium pendidikan budaya dan dokumentasi warisan

tak ketara kepada generasi muda. Menurut Demgenski (2023), kajian beliau menunjukkan bahawa pameran, bengkel dan aktiviti berasaskan komuniti merupakan strategi penting dalam pemindahan pengetahuan serta pelestarian warisan budaya tidak ketara, kerana mereka memberi ruang untuk interaksi langsung, pembelajaran amali dan pengalaman budaya yang dapat menyokong kesinambungan amalan tradisional. Usaha ini membolehkan perhiasan manik berfungsi sebagai medium pendidikan budaya dan dokumentasi warisan tak ketara kepada generasi muda. Pernyataan ini turut disokong oleh Wasela (2023), pameran dan bengkel telah dilihat sebagai alat pendidikan budaya yang berkesan yang membantu generasi muda memahami, menghargai dan meneruskan warisan budaya melalui pengalaman praktikal dan dialog antara generasi.

Secara keseluruhannya, kearifan tempatan dalam penghasilan seni manik Lun Bawang mencerminkan gabungan pengetahuan tradisional, kemahiran teknikal, nilai estetika dan simbolisme budaya yang membentuk identiti masyarakat tersebut. Dalam menghadapi cabaran pemodenan dan globalisasi, seni manik Lun Bawang berdepan risiko terpinggir sekiranya tidak didokumentasikan dan diwariskan secara sistematik. Oleh itu, usaha pemeliharaan melalui pendidikan budaya, penglibatan komuniti dan sokongan institusi amat penting bagi memastikan seni manik ini terus kekal sebagai warisan budaya tak ketara yang hidup dan relevan kepada generasi akan datang.

4.6 LANGKAH-LANGKAH MELESTARIKAN SENI MANIK LUN BAWANG

Pemeliharaan seni manik Lun Bawang merupakan aspek penting dalam mengekalkan identiti budaya dan kesinambungan warisan masyarakat. Seni manik bukan sahaja mempunyai nilai estetik, malah sarat dengan makna simbolik yang mencerminkan kearifan tempatan dan sejarah kehidupan masyarakat Lun Bawang. Namun demikian, dalam konteks semasa, seni ini berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk perubahan gaya hidup moden, pengaruh budaya luar serta penurunan minat generasi muda untuk mempelajari kemahiran tradisional yang memerlukan ketelitian dan kesabaran.

Seiring dengan arus pemodenan dan globalisasi, seni manik tradisional berisiko terpinggir sekiranya tiada usaha sistematik dilakukan untuk melestarikannya. Justeru, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh komuniti, generasi muda serta pihak berkepentingan bagi memastikan seni manik Lun Bawang terus relevan, dihargai dan diwarisi oleh generasi akan datang.

4.6.1 Pameran dan Bengkel sebagai Medium Pemeliharaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pameran dan bengkel penghasilan manik merupakan antara kaedah utama dalam usaha melestarikan seni manik Lun Bawang. Pameran yang diadakan sempena acara keramaian masyarakat Lun Bawang berfungsi sebagai medium pendedahan kepada masyarakat luar serta generasi muda untuk mengenali perhiasan manik dari segi fungsi, estetika dan simbolismenya. Peranan pameran sebagai medium pendidikan dan pemindahan pengetahuan budaya turut disokong oleh Falk & Dierking (2013) yang menegaskan bahawa pameran warisan berupaya meningkatkan kefahaman, penghargaan serta kesedaran masyarakat terhadap nilai budaya melalui pengalaman pembelajaran secara langsung.

Err, untuk cara pemeliharaannya itu ada dua cara iaitu satu adalah pameran pada hari ermm keramaian kami kaum Lun Bawang dan juga kedua adalah bengkel penghasilan manik tersebutlah, jadi kedua car aini telah err apatu telah memperkenalkan perhiasan manik kepada kaum lain dan juga telah mengekalkan ermm budaya inilah di dalam kaum kami.

Terdapat dua kaedah pemeliharaan yang diamalkan, iaitu melalui pameran sempena hari-hari keramaian masyarakat Lun Bawang dan melalui bengkel penghasilan manik. Kedua-dua kaedah ini bukan sahaja memperkenalkan perhiasan manik kepada kaum lain, malah turut membantu mengekalkan kelangsungan budaya tersebut dalam kalangan masyarakat Lun Bawang.

(I1 – PSMT)

Berdasarkan penjelasan informan 1, jelas bahawa pameran dan bengkel penghasilan manik memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian seni manik Lun Bawang. Pameran pada acara keramaian membolehkan masyarakat luar dan generasi muda melihat serta menghargai nilai estetika dan simbolik perhiasan manik. Sementara itu, bengkel penghasilan manik memberikan peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik dan corak tradisional secara langsung sekaligus mengekalkan kemahiran serta kearifan tempatan dalam kalangan pengrajin. Kedua-dua pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh identiti budaya tetapi juga membantu memupuk rasa bangga terhadap warisan kaum Lun Bawang.

4.6.2 Peranan Generasi Muda dalam Kelestarian Seni Manik

Selain itu, generasi muda memainkan peranan yang penting dalam usaha melestarikan seni manik Lun Bawang. Mereka bukan sahaja berperanan sebagai pewaris kemahiran tradisional tetapi juga sebagai penggerak yang dapat memperkenalkan seni manik kepada masyarakat dengan lebih luas. Penglibatan aktif golongan muda dalam pameran, bengkel dan penggunaan platform digital membantu memastikan seni manik terus relevan dalam konteks semasa, selaras dengan perubahan teknologi dan gaya hidup moden. Menurut Smith dan Akagawa (2009), penglibatan generasi muda dalam aktiviti warisan budaya tidak ketara merupakan faktor utama dalam memastikan kesinambungan dan kelestarian amalan tradisional.

Penglibatan aktif generasi muda dalam pameran, bengkel serta penggunaan platform digital dan media sosial membolehkan seni manik diperkenalkan bukan sahaja di peringkat tempatan, malah di peringkat nasional dan antarabangsa. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelestarian warisan tidak lagi terhad kepada pendekatan tradisional semata-mata, sebaliknya memerlukan adaptasi yang bersesuaian dengan konteks semasa tanpa mengabaikan nilai budaya asal.

Erm, arr untuk menjawab soalan ini sa apatu jelas sudah bahawa saya pun selaku generasi muda juga amat berminat dengan erm apatu perhiasan manik ini jadi untuk, untuk sekarang generasi muda amat tertariklah dengan perhiasan manik tersebut dan peranan mereka adalah bukan sahaja, bukan sahaja meminati dan meminati seni tersebut namun mereka juga menjadi salah satu agent untuk mempromosikan perhiasan manik ini ke luar negara ataupun ke peringkat antarabangsa.

Untuk menjawab soalan ini, jelas menunjukkan bahawa saya sebagai generasi muda turut mempunyai minat yang mendalam terhadap perhiasan manik. Pada masa kini, golongan generasi muda semakin tertarik dengan perhiasan manik tersebut. Peranan mereka bukan sahaja terhad kepada meminati seni ini, malah turut berfungsi sebagai ejen yang mempromosikan perhiasan manik ke peringkat luar negara dan antarabangsa.

(Informan 6 – PGM)

Merujuk pendapat informan 6, dapat dilihat bahawa generasi muda bukan sahaja berperanan sebagai penerima warisan budaya tetapi juga sebagai agen utama dalam mempromosikan perhiasan manik ke peringkat nasional dan antarabangsa. Minat dan keterlibatan mereka dalam aktiviti pameran, bengkel dan platform media sosial membantu memperluas jangkauan seni manik, menarik perhatian masyarakat luar serta meningkatkan penghargaan terhadap identiti budaya Lun Bawang. Keterlibatan generasi muda ini menunjukkan bahawa kesinambungan warisan seni manik dapat dijaga dengan lebih berkesan apabila mereka diberi peluang dan galakan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam usaha pelestarian budaya. Pandangan ini selari dengan penegasan UNESCO (2003) yang menyatakan bahawa penglibatan generasi muda merupakan elemen penting dalam memastikan kelangsungan dan pemindahan warisan budaya tidak ketara antara generasi.

4.6.3 Sokongan NGO dan Kerajaan dalam Memperkukuh Kelestarian

Seterusnya, selain peranan komuniti dan generasi muda, sokongan daripada pertubuhan bukan kerajaan Non-Governmental Organisation (NGO) dan pihak kerajaan turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam melestarikan seni manik Lun Bawang. Sokongan ini boleh direalisasikan melalui penubuhan institusi khusus yang memfokuskan penghasilan manik, pelaksanaan program latihan kemahiran serta inisiatif pemasaran dan pengkomersialan.

Usaha sedemikian bukan sahaja membantu pengrajin meningkatkan kemahiran dan kreativiti, malah memberi peluang untuk memperluaskan pasaran perhiasan manik ke peringkat yang lebih luas. Pada masa yang sama, penglibatan pihak *Non-Governmental Organisation* (NGO) dan kerajaan turut membuka ruang kepada generasi muda untuk terlibat dalam latihan dan pameran secara lebih tersusun, sekali gus menyokong kesinambungan warisan seni manik dalam jangka panjang.

Err peranan NGO mahupun kerajaan untuk ini adalah untuk menubuhkan mungkin salah satu institusi yang memfokuskan penghasilan manik ini ataupun er melaksanakan program-program yang membantu ahli-ahli kraftangan dan pengusaha ini untuk memperkembangkan erm jualan perhiasan manik ini ke peringkat yang lebih besar lagilah.

Peranan NGO mahupun pihak kerajaan dalam hal ini adalah dengan menubuhkan institusi yang memfokuskan penghasilan manik, serta melaksanakan program-program yang dapat membantu para penggiat kraf dan pengusaha untuk mengembangkan pemasaran serta penjualan perhiasan manik ke peringkat yang lebih luas.

(I3 – PADPB)

Merujuk penjelasan informan 3, sokongan daripada pertubuhan bukan kerajaan *Non-Governmental Organisation* (NGO) dan pihak kerajaan didapati memainkan peranan

penting dalam memperkukuh kelestarian seni manik Lun Bawang. Penubuhan institusi khusus serta pelaksanaan program latihan yang terancang bukan sahaja membolehkan pengrajin meningkatkan kemahiran dan kreativiti, malah membantu memperluaskan pemasaran perhiasan manik ke peringkat yang lebih luas termasuk pasaran antarabangsa. Inisiatif ini memastikan bahawa seni manik bukan sekadar diteruskan dalam kalangan komuniti tempatan, tetapi turut memperoleh pengiktirafan dan penghargaan daripada masyarakat luar. Selain itu, penjelasan ini turut disokong oleh UNESCO (2003), dimana penglibatan pihak *Non-Governmental Organisation* (NGO) dan kerajaan juga membuka ruang kepada generasi muda untuk menyertai aktiviti latihan dan pameran secara lebih sistematik, sekali gus menyokong kesinambungan warisan budaya dalam jangka panjang.

4.6.4 Pengkomersialan dan Cabaran Pemodenan Motif

Di samping itu, dalam menghadapi permintaan pasaran yang semakin berkembang, pengrajin seni manik Lun Bawang sering berdepan dilema antara memodenkan corak dan motif untuk menarik minat pengguna moden serta mengekalkan keaslian dan keunikan seni tradisional. Usaha untuk mengkomersialkan perhiasan manik dapat meningkatkan nilai ekonomi dan menarik perhatian lebih ramai pembeli tetapi terdapat kebimbangan bahawa perubahan motif atau pengenalan elemen moden boleh mengurangkan nilai budaya yang tersimpan dalam setiap rekaan. Oleh itu, penyesuaian produk memerlukan keseimbangan yang teliti antara inovasi dan pemeliharaan warisan budaya.

Erm untuk, untuk di komersialkan ini saya setuju tapi untuk di modenkan daripada segi motifnya dan juga er unsur erm apatu memasukkan unsur modelesasi dalam motifnya perhiasan manik ini saya kurang setuju kerana kita juga perlu mengekalkan keunikkan seni tradisonal ini dalam perhiasan manik. Untuk komersial ya, saya setuju.

Saya bersetuju bahawa perhiasan manik boleh dikomersialkan. Namun demikian, saya kurang bersetuju jika ia dimodenkan dari segi motif serta penerapan unsur pemodenan dalam reka bentuk perhiasan manik tersebut. Hal ini kerana keunikan seni tradisional perlu dikekalkan agar identiti dan nilai warisan perhiasan manik tidak terhakis. Oleh itu, dari aspek pengkomersialan saya bersetuju, tetapi bukan dari sudut pemodenan motif.

(I6 – PGM)

Berdasarkan pandangan informan 6, jelas bahawa pengkomersialan perhiasan manik boleh diterima kerana ia memberikan peluang ekonomi kepada pengrajin dan pengiktirafan seni manik Lun Bawang di peringkat yang lebih luas. Namun, pemodenan motif atau penambahan elemen rekaan moden perlu dilakukan dengan berhati-hati bagi memastikan identiti dan keunikan seni tradisional tidak terhakis. Perkara ini selari dengan hujah Cohen (1988) yang menjelaskan bahawa pengkomersialan budaya tidak semestinya menghakis keaslian, sebaliknya boleh mewujudkan bentuk keaslian baharu sekiranya dikawal oleh komuniti pengamal sendiri, serta disokong oleh Timothy & Boyd (2003) yang menegaskan bahawa pengkomersialan warisan yang beretika mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti tempatan.

4.6.5 Cadangan Penubuhan Bengkel Penghasilan Manik Secara Meluas

Akhir sekali, selain langkah-langkah yang telah dijalankan seperti pameran, bengkel, dan sokongan NGO atau kerajaan, terdapat cadangan untuk memperluaskan lagi usaha pelestarian seni manik. Inisiatif ini menekankan kepada penubuhan program atau bengkel yang bukan sahaja berfungsi untuk mengajar kemahiran penghasilan manik tetapi juga untuk memperkenalkan seni manik kepada masyarakat lebih luas. Dengan pendekatan ini, generasi muda dapat dipupuk minat dan kemahiran mereka sekaligus memastikan kesinambungan budaya dan warisan seni manik Lun Bawang dapat dipelihara untuk masa depan.

Untuk cadangan ini, saya pernah bercadang untuk erm menubuhkan bengkel penghasilan perhiasan manik ini secara luas, yang dapat err bukan sahaja mengajar ataupun memperkenalkan ini daripada kaum lain juga, kami dapat mengekalkan budaya ini ke generasi muda.

Bagi cadangan ini, saya mencadangkan penubuhan bengkel penghasilan perhiasan manik secara meluas, yang bukan sahaja bertujuan untuk mengajar dan memperkenalkan seni ini kepada kaum lain, malah dapat memastikan kelangsungan budaya tersebut kepada generasi muda.

(I1 – PSMT)

Berdasarkan cadangan informan 1, penubuhan bengkel penghasilan manik secara meluas dapat memainkan peranan penting dalam memelihara seni manik Lun Bawang. Bengkel ini bukan sahaja menjadi platform untuk mengajar kemahiran tradisional kepada generasi muda tetapi juga memperkenalkan keunikan dan nilai budaya perhiasan manik kepada masyarakat lain. Pendekatan ini dapat memastikan kesinambungan warisan budaya sambil memberi peluang kepada generasi muda untuk menjadi pewaris dan agen promosi seni manik ke peringkat lebih luas.

Selain itu, pendekatan ini berpotensi memupuk minat generasi muda, memastikan pemindahan ilmu secara berkesan serta menjadikan seni manik sebagai warisan hidup yang terus diamalkan. Di samping itu, bengkel berskala luas juga dapat berperanan sebagai platform pembangunan ekonomi komuniti tanpa mengabaikan prinsip pemeliharaan budaya. Pandangan ini selari dengan Bortolotto (2011) yang menegaskan bahawa pendekatan “*living heritage*” melalui latihan berterusan dan penglibatan komuniti merupakan proses penting dalam pemindahan ilmu budaya. Pernyataan ini turut serta disokong oleh *United Nations Development Programme* UNDP (2013) yang menyatakan bahawa pembangunan kraf dan seni tradisional berasaskan komuniti mampu menjana peluang ekonomi sambil mengekalkan nilai dan identiti budaya tempatan.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah melestarikan seni manik Lun Bawang melibatkan pendekatan yang menyeluruh merangkumi pameran, bengkel penghasilan manik, penglibatan generasi muda, sokongan NGO dan kerajaan, pengkomersialan terkawal serta penubuhan bengkel secara meluas. Pelestarian seni manik bukan sahaja bergantung kepada pengrajin semata-mata, tetapi memerlukan kerjasama bersepadu antara komuniti, institusi dan generasi muda.

Dengan mengamalkan prinsip keseimbangan antara pemeliharaan nilai tradisional dan inovasi yang terkawal, seni manik Lun Bawang berpotensi untuk terus lestari, relevan dan diwarisi sebagai khazanah budaya yang bernilai tinggi untuk generasi akan datang.

4.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, seni manik suku kaum Lun Bawang bukan sahaja mencerminkan kreativiti, kehalusan dan identiti budaya masyarakat, tetapi juga menunjukkan kearifan tempatan dalam pemilihan bahan, corak, dan teknik penghasilan yang diwarisi secara turun-temurun. Pelbagai jenis perhiasan manik seperti banih, peta dan beret menzahirkan nilai estetik serta simbolik, manakala peranan generasi muda, penglibatan komuniti, pameran, bengkel dan sokongan NGO serta kerajaan membolehkan warisan ini terus relevan dan dipelihara. Walaupun menghadapi cabaran kemodenan dan perubahan citarasa, strategi pengkomersialan terkawal serta pengekal motif tradisional memastikan seni manik terus dihargai di peringkat tempatan dan antarabangsa. Justeru, gabungan usaha pelbagai pihak dan kesinambungan pengetahuan tradisional membuktikan bahawa seni manik Lun Bawang mampu bertahan sebagai identiti budaya yang hidup dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Walaupun seni manik menghadapi cabaran akibat kemodenan dan perubahan citarasa, strategi pengkomersialan yang terkawal serta pengekal motif tradisional memastikan bahawa warisan ini tetap dihargai di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Usaha mendokumentasikan corak, teknik, dan simbolik seni manik dalam bentuk bahan bercetak, pameran interaktif, dan bengkel praktikal telah membantu meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap nilai budaya ini. Ini juga membolehkan mereka tidak hanya mempelajari kemahiran teknikal, tetapi turut menghargai sejarah dan makna di sebalik setiap perhiasan manik.

Selain itu, kolaborasi antara pengrajin, pemimpin komuniti, institusi pendidikan, serta sektor swasta telah membuka peluang untuk memodenkan seni manik tanpa menjejaskan nilai tradisionalnya. Aktiviti seperti penyertaan dalam festival budaya, pertandingan rekaan, dan penglibatan dalam projek warisan memupuk rasa bangga dalam kalangan pengrajin dan generasi muda, sambil meningkatkan daya tarikan seni manik Lun Bawang di mata pelancong dan pengkaji budaya.

Kesimpulannya, gabungan usaha pelbagai pihak, kesinambungan pengetahuan tradisional, dan inovasi terkawal membuktikan bahawa seni manik Lun Bawang mampu bertahan sebagai identiti budaya yang hidup. Dengan pelestarian yang berterusan dan penyesuaian terhadap keperluan semasa, warisan ini tidak hanya dapat diwarisi oleh generasi akan datang, malah dapat menjadi simbol kebanggaan komuniti Lun Bawang di peringkat global.

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Dalam bahagian ini, sedikit sebanyak akan memberikan gambaran mengenai keseluruhan kajian yang dilakukan serta kesimpulan yang dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian ketiga-tiga analisis. Bab ini juga mengemukakan perbincangan yang dilaksanakan untuk menjadi pengukur akan tahap keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi sepanjang proses projek penyelidikan ini dilakukan. Selain itu, dalam bahagian ini juga, pengkaji akan menyatakan beberapa cadangan serta langkah yang relevan bagi membantu memudahkan penyelidik yang akan datang dalam melakukan kajian Seni Manik Lun Bawang ini. Selayaknya seperti yang dilihat, projek penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji yang akan datang dalam memperolehi maklumat yang diinginkan kelak. Di samping itu, perlunya usaha yang mapan dari pelbagai pihak bagi mengekalkan seni manik Lun Bawang ini yang mana ia juga selari dengan matlamat pengkaji.

5.2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini juga akan menghuraikan serta merumuskan dapatan kajian berdasarkan tajuk kajian yang dipilih iaitu “Kearifan Tempatan Dalam Penghasilan Manik Oleh Suku Kaum Lun Bawang : Kajian Kes di Limbang, Sarawak” . Perbincangan yang dihasilkan menggunakan dapatan kajian penganalisan data tiga objektif kajian yang telah diulas dengan lebih mendalam dalam penulisan bab 4 sebelum ini.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1 : Jenis Perhiasan Manik Suku Kaum Lun Bawang

Berdasarkan kajian yang dijalankan untuk mencapai objektif pertama penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa jenis perhiasan manik yang dihasilkan oleh masyarakat Lun

Bawang mempunyai ciri-ciri tertentu yang tersusun serta memperlihatkan fungsi dan kegunaan yang berbeza. Penghasilan perhiasan manik oleh masyarakat terdahulu turut berkait rapat dengan nilai budaya dan kepercayaan komuniti terutamanya dalam aspek simbolik yang dititikberatkan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam proses pembuatan manik, pengrajin tradisional sering mengaitkan kerja tangan ini dengan unsur penghormatan terhadap adat, yang mana setiap aktiviti dilakukan dengan tertib dan penuh makna budaya.

Kebanyakan perhiasan manik Lun Bawang digunakan oleh golongan tertentu dalam komuniti bergantung kepada status, jantina atau upacara yang dijalankan. Hal ini turut menggambarkan hubungan rapat antara penghasilan perhiasan manik dengan persekitaran sosial dan budaya masyarakat pada masa lalu. Setiap jenis perhiasan, sama ada banih (rantai manik), gelang, subang atau hiasan kepala memperlihatkan reka bentuk yang unik serta corak yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Corak dan susunan warnanya menjadi lambang identiti komuniti serta mencerminkan kepakaran penghasilnya.

Hal ini jelas terbukti apabila diteliti bahan yang digunakan dalam pembuatan manik tradisional termasuk manik kaca, manik seramik, serta manik buatan tangan yang diperoleh melalui pertukaran atau perdagangan pada masa dahulu. Selain itu, motif dan bentuk perhiasan juga dipengaruhi oleh alam sekitar seperti penggunaan warna-warna yang menyerupai flora dan fauna sekeliling. Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa jenis perhiasan manik dalam masyarakat Lun Bawang bukan sahaja berperanan sebagai hiasan semata-mata, tetapi turut menjadi lambang warisan budaya yang masih dihayati sehingga kini.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2 : Peranan Kearifan Tempatan dalam Penghasilan Manik Suku Kaum Lun Bawang

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengkaji peranan kearifan tempatan dalam proses penghasilan seni manik masyarakat Lun Bawang. Berdasarkan dapatan temu bual yang

dilakukan, jelas bahawa kearifan tempatan memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian teknik, nilai budaya, serta identiti masyarakat tersebut. Kemahiran membuat manik bukan sahaja diwarisi secara turun-temurun melalui anggota keluarga terdekat seperti nenek dan ibu tetapi turut dipelajari melalui pemerhatian, latihan tidak formal serta minat mendalam terhadap seni tradisional. Proses pewarisan ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan berfungsi sebagai mekanisme utama dalam mengekalkan kesinambungan ilmu dan kemahiran yang menjadi teras kepada identiti seni manik Lun Bawang.

Selain pewarisan ilmu secara kekeluargaan, kearifan tempatan juga dapat dilihat melalui amalan komuniti yang menekankan penyebaran ilmu secara kolektif. Aktiviti seperti bengkel, kelas kraftangan dan program komuniti di peringkat kampung mahupun daerah membuktikan bahawa masyarakat Lun Bawang mengamalkan budaya gotong-royong dalam memastikan seni manik tidak pupus. Peranan komuniti dalam memindahkan kepakaran ini menggambarkan bahawa kearifan tempatan bukan hanya bersifat peribadi atau keluarga tetapi berkembang sebagai pengetahuan bersama yang membina kekuatan kolektif masyarakat. Amalan ini juga terbukti berkesan dalam menggalakkan penglibatan generasi muda sekali gus memastikan kesinambungan warisan budaya dalam jangka panjang.

Peranan kearifan tempatan turut tergambar melalui ketelitian dalam setiap peringkat penghasilan manik. Masyarakat Lun Bawang memberi perhatian besar terhadap pemilihan manik, warna dan corak kerana setiap elemen mengandungi makna simbolik tertentu yang berkait rapat dengan adat, status sosial dan konteks majlis. Penggunaan bahan tradisional seperti lonceng warisan, manik kaca dan manik seramik menunjukkan bahawa kearifan tempatan bukan sahaja mengekalkan keaslian bahan tetapi juga mengangkat nilai spiritual dan simbolik dalam setiap hasil seni. Malah, nilai disiplin serta etika kerja seperti larangan menangguk kerja ini memperlihatkan bahawa kearifan tempatan merangkumi panduan moral yang memperkukuh kualiti dan ketelitian dalam proses pembuatan. Kesemua aspek ini membuktikan bahawa kearifan tempatan merupakan asas penting dalam pembentukan identiti seni manik Lun Bawang kerana ia memelihara tradisi, memperkukuh nilai budaya dan mengekalkan estetika unik yang diwarisi sejak generasi terdahulu.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3 : Langkah-langkah Untuk Melestarikan Seni Manik Suku Kaum Lun Bawang

Berdasarkan dapatan kajian, pelbagai langkah telah dikenal pasti sebagai usaha untuk melestarikan seni manik masyarakat Lun Bawang. Analisis terhadap maklumat yang diperoleh menunjukkan bahawa strategi pelestarian ini merangkumi pendekatan berbentuk pendidikan, pendedahan budaya, pemerksaan komuniti, serta sokongan institusi luar. Antara langkah paling signifikan ialah penganjuran pameran dan bengkel yang berfungsi sebagai platform utama memperkenalkan keindahan seni manik kepada masyarakat umum. Melalui pameran yang diadakan semasa acara keramaian dan perayaan etnik, seni manik dipertontonkan kepada khalayak yang lebih luas seterusnya meningkatkan apresiasi dan kesedaran terhadap nilai budaya yang terkandung dalam setiap perhiasan. Sementara itu, bengkel penghasilan manik berperanan penting dalam memindahkan kemahiran secara praktikal, memastikan teknik tradisional dapat dipelajari, dikuasai dan diteruskan oleh generasi akan datang.

Selain pameran dan bengkel, analisis turut menunjukkan bahawa penglibatan generasi muda merupakan faktor kritikal dalam memastikan kesinambungan seni manik. Generasi muda bukan sahaja dilihat sebagai pewaris warisan budaya tetapi juga sebagai agen utama dalam usaha mempromosikan seni manik ke peringkat nasional dan antarabangsa. Melalui minat, kreativiti serta penggunaan platform digital, golongan ini mampu memperluas jangkauan seni manik dan menarik perhatian masyarakat luar. Keupayaan mereka untuk mengadaptasi teknik tradisional dalam konteks moden turut memperkukuh daya tarikan seni manik tanpa menjejaskan nilai tradisionalnya. Justeru, usaha memupuk minat generasi muda melalui pendidikan budaya, latihan asas dan pendedahan kepada acara seni merupakan strategi penting untuk memastikan seni manik terus relevan dalam masa kini.

Dalam analisis ini turut menekankan peranan sokongan institusi seperti NGO dan agensi kerajaan dalam memperkukuh usaha pelestarian. Sokongan ini dilihat melalui penubuhan institusi latihan, penganjuran program kemahiran dan penyediaan ruang

pemasaran yang lebih luas kepada pengrajin. Bantuan sebegini bukan sahaja meningkatkan nilai ekonomi produk manik, tetapi juga membantu mengekalkan keaslian motif dan teknik tradisional.

Namun, terdapat juga keperluan untuk mencapai keseimbangan antara pemeliharaan budaya dan usaha pengkomersialan. Walaupun pengkomersialan perhiasan manik diterima sebagai langkah positif untuk meningkatkan pendapatan pengrajin, perubahan motif yang terlalu moden dikhuatiri akan menghilangkan nilai identiti asal seni tersebut. Oleh itu, strategi pelestarian perlu menekankan inovasi yang terkawal iaitu mengkomersialkan produk tanpa mengubah secara drastik motif tradisional yang menjadi lambang budaya Lun Bawang. Cadangan penubuhan bengkel yang lebih meluas turut menunjukkan komitmen masyarakat terhadap usaha melestarikan seni manik yang mana pendekatan berstruktur dalam pendidikan budaya akan membantu memperkukuh kesinambungan warisan ini.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa pelestarian seni manik Lun Bawang memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan kerjasama komuniti, generasi muda, pengrajin, serta pihak luar. Gabungan strategi pendidikan, promosi budaya, sokongan institusi, serta inovasi terkawal merupakan asas penting untuk memastikan seni manik kekal hidup, dihargai, dan diwarisi oleh generasi akan datang.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual bersama komuniti Lun Bawang di Limbang, beberapa cadangan dapat dikemukakan bagi memperkukuh usaha melestarikan seni manik sebagai salah satu warisan budaya yang signifikan. Cadangan ini penting bagi memastikan seni manik tidak hanya kekal sebagai amalan tradisi, tetapi juga terus berkembang selaras dengan perubahan semasa tanpa mengabaikan nilai keasliannya. Kesinambungan seni ini bergantung kepada penglibatan komuniti, sokongan institusi, dan inisiatif berterusan yang mampu menarik minat generasi muda.

Pertama, disarankan agar lebih banyak bengkel dan program latihan berstruktur dianjurkan secara berkala di peringkat komuniti. Bengkel seperti ini bukan sahaja berfungsi untuk mengajar teknik penghasilan manik tradisional, tetapi juga membantu mewujudkan platform pembelajaran antara generasi. Penganjuran bengkel secara lebih meluas serta melibatkan sekolah, pusat komuniti, dan institusi kebudayaan dapat memperkenalkan seni manik kepada masyarakat umum sekaligus memupuk minat generasi muda terhadap kemahiran tersebut. Selain itu, setiap bengkel wajar memberi penekanan kepada dokumentasi teknik dan motif tradisional agar ilmu yang diwarisi tidak hilang bersama perubahan zaman.

Kedua, kerjasama strategik antara komuniti Lun Bawang, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan perlu dipertingkatkan. Melalui kerjasama ini, lebih banyak peluang dapat diwujudkan bagi memperluas pasaran perhiasan manik termasuk melalui aktiviti pameran, pemasaran digital, dan penyertaan dalam festival kraf di peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Sokongan dana dan latihan daripada agensi berkaitan juga dapat membantu pengrajin meningkatkan kemahiran reka bentuk, inovasi, serta kualiti produk tanpa mengabaikan elemen tradisional. Melalui pendekatan ini, seni manik bukan sahaja dapat dipelihara tetapi juga mampu memberi manfaat ekonomi kepada komuniti.

Akhir sekali, dicadangkan agar usaha pemuliharaan seni manik turut disokong melalui inisiatif pendidikan dan pendigitalan. Penyediaan bahan pendidikan seperti modul, video dokumentasi, atau arkib digital berkaitan motif, teknik dan sejarah seni manik boleh membantu mengekalkan pengetahuan tradisional secara lebih sistematik. Pendigitalan juga membolehkan info berkaitan seni manik diakses secara lebih luas sekaligus meningkatkan peluang promosi dan penyelidikan. Selain itu, penglibatan generasi muda dalam platform media sosial dapat dijadikan satu strategi untuk memperkenalkan seni manik kepada khalayak lebih besar menjadikannya lebih relevan dengan persekitaran moden.

5.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan bahawa seni manik suku kaum Lun Bawang merupakan satu warisan budaya yang sarat dengan nilai estetika, identiti dan makna simbolik. Melalui dapatan yang diperoleh daripada temu bual bersama pengrajin dan komuniti setempat di Limbang, jelas bahawa perhiasan manik bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, tetapi turut mencerminkan susunan sosial, kepercayaan tradisional dan kearifan tempatan yang diwarisi secara turun-temurun. Analisis yang dijalankan terhadap objektif kajian menunjukkan bahawa setiap jenis perhiasan manik memiliki reka bentuk dan fungsi tersendiri sekaligus menggambarkan keunikan seni warisan ini. Selain itu, kearifan tempatan yang diterapkan dalam penghasilan manik menonjolkan kehalusan teknik, pemilihan warna serta motif yang berkait rapat dengan alam sekitar dan identiti masyarakat Lun Bawang.

Kajian ini juga mendapati bahawa usaha melestarikan seni manik menghadapi pelbagai cabaran khususnya berkaitan perubahan gaya hidup moden serta kurangnya penglibatan generasi muda. Namun, pelbagai langkah telah dan sedang diambil oleh komuniti bagi memastikan kesinambungan seni ini termasuk penganjuran pameran, bengkel penghasilan manik, serta sokongan daripada NGO dan agensi kerajaan. Penglibatan aktif generasi muda, terutamanya melalui platform digital turut menjadi faktor penting dalam memperluas jangkauan promosi seni manik ke peringkat lebih luas. Hal ini membuktikan bahawa kelestarian seni manik dapat dicapai apabila komuniti, institusi dan generasi muda bekerjasama dalam memelihara serta memartabatkan warisan budaya ini.

Secara ringkas, kajian ini menegaskan bahawa seni manik suku kaum Lun Bawang mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sebagai warisan budaya yang relevan dengan perubahan zaman. Melalui pendekatan pemeliharaan yang seimbang antara tradisi dan inovasi serta sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, seni manik dapat dipertahankan sebagai simbol identiti dan kebanggaan masyarakat Lun Bawang. Penyelidik berharap bahawa kajian ini dapat menjadi rujukan yang bermanfaat kepada pihak akademik, penggiat seni, komuniti dan pihak berkepentingan dalam usaha memperkukuh pelestarian

seni manik sebagai salah satu khazanah budaya di Sarawak. Sekiranya cadangan yang dikemukakan diambil perhatian, tidak mustahil seni manik Lun Bawang akan terus diwarisi dan dihargai oleh generasi yang akan datang.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Amster, M. H. (2006). *Narrating the border: Perspectives from the Kelabit Highlands of Borneo*. In T. T. Barnard (Ed.), *Contesting Malayness: Malay identity across boundaries* (pp. 119–141). Singapore University Press.
- Asmahani, I. (2021). Beaded identities: The material culture of Bidayuh women in contemporary Sarawak. *Journal of Borneo Studies*, 13(2), 55–70.
- Asmahani, I. (2021). Symbolic meanings in Bidayuh beadwork: A cosmological perspective. *Journal of Borneo Material Culture*, 5(2), 37–50.
- Blumer, H. (1969). *Symbolic Interactionism: Perspective and Method*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Charon, J. M. (2007). *Symbolic interactionism: An introduction, an interpretation, an integration* (9th ed.). Pearson Prentice Hall.
- Crain, J. B. (1970). *The Lun Dayeh of Sabah, East Malaysia: Aspects of socioeconomic organization*. PhD Dissertation, Michigan State University.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hazman, M. N., Ramli, H., & Said, T. S. (2020). *Keindahan seni manik etnik Lun Bawang di Lawas, Sarawak: The beauty of the Lun Bawang beads society in Lawas, Sarawak*. *EduCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 43–52.
- Hassan, R., & Yusof, N. A. (2021). *Pemuliharaan seni tradisional dalam kalangan generasi muda: Cabaran dan strategi*. *Jurnal Warisan dan Budaya*, 10(1), 45–60.

Ibrahim, Z. (2017). *Identiti dan warisan budaya masyarakat peribumi di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibrahim, Z. (2017). *Kearifan tempatan dan warisan budaya masyarakat peribumi di Malaysia*. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 25(1), 55–66.

Johan, R. (2022). *The cultural significance of beadwork among the Orang Ulu in Sarawak: Preservation through practice*. *Malaysian Journal of Arts and Culture*, 8(1), 23–35.

Johan, R. (2023). *Visual storytelling in Orang Ulu bead motifs: A study of myth and memory*. *Journal of Indigenous Arts and Crafts*, 10(1), 15–28.

Kedit, P. M. (2020). *Living heritage: Iban beadwork and its evolving meanings*. *Sarawak Museum Journal*, 78(2), 88–104.

Mead, G. H. (1934). *Mind, self, and society: From the standpoint of a social behaviorist*. University of Chicago Press.

Munan, H. (2025). *Clay Beads and Continuity: The Revival of Lun Bawang Craftsmanship*. *BEADS: Journal of the Society of Bead Researchers*, 37(1), 45–58.

Noeb, R. (2006). *The Lun Bawang: The forgotten people of Borneo*. Persatuan Kebudayaan Lun Bawang Sarawak.

Said, T. S., Ramli, H., Jailani, K. R., & Ibrahim, N. (2017). *Kearifan lokal masyarakat Lun Bawang menerusi krafmanik seramik: Local wisdom of Lun Bawang community through ceramic beads craft*. *Kupas Seni: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 5, 23–31.

Said, S., Ibrahim, M., & Sahibil, R. (2017). *Motif dan Simbolisme dalam Kraf Tradisional Etnik Borneo*. *Journal of Borneo Arts and Heritage*, 8(1), 44–59.

Said, N. M., Johari, R., & Zainal, N. (2017). *Motif tradisional dalam seni manik masyarakat Lun Bawang*. Jurnal Warisan, 4(2), 21–33.

Said, M. N., Ramli, Z., & Hamzah, A. (2017). *Seni manik dalam kehidupan masyarakat Borneo: Kajian etnografi di pedalaman Sarawak*. Southeast Asian Cultural Journal, 15(2), 30–44.

Sillitoe, P. (1998). *The development of indigenous knowledge: A new applied anthropology*. Current Anthropology, 39(2), 223–252.

Stryker, S., & Vryan, K. D. (2003). The symbolic interactionist frame. *Sociological Theory*, 21(3), 295–315.

Suut, N., Ibrahim, H., & Sahibil, S. (2022). *Motifanyaman ugam masyarakat Lun Bawang dan signifikan budayanya*. Journal of Indigenous Arts, 10(3), 56–68.

Tingang, D. L. (2021). *Cultural expressions through beads: The Lun Bawang heritage*. Sarawak Cultural Heritage Journal, 15(2), 102–118.

UNESCO. (2003). *Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage*. <https://ich.unesco.org/>

Warren, D. M. (1991). *Using Indigenous Knowledge in Agricultural Development*. World Bank Discussion Paper No. 127. Washington, D.C.: The World Bank.

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.

Zawawi, I. (2020). *Warisan dan Identiti Budaya dalam Kalangan Komuniti Pribumi Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zawawi, I. (2020). *Menelusuri Warisan Budaya TakKetara Malaysia*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zawawi, I. (2020). *Simbolisme dalam seni krafetnik di Malaysia*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.



LAMPIRAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SOALAN TEMU BUAL SEPARA BERSTRUKTUR

TAJUK KAJIAN :

KEARIFAN TEMPATAN DALAM PENGHASILAN MANIK OLEH SUKU
KAUM LUN BAWANG : KAJIAN KES DI LIMBANG, SARAWAK

OBJEKTIF KAJIAN :

1. Mengenal pasti jenis perhiasan manik suku kaum Lun Bawang di Sarawak.
2. Mengkaji kemahiran kearifan tempatan suku kaum Lun Bawang dalam penghasilan seni manik.
3. Membincangkan langkah-langkah untuk melestarikan seni manik suku kaum Lun Bawang.

JENIS PERIASAN MANIK SUKU KAUM LUN BAWANG DI SARAWAK.

Soalan 1: Apakah jenis-jenis perhiasan manik yang biasa dihasilkan oleh suku kaum Lun Bawang?

Soalan 2: Terangkan fungsi atau kegunaan setiap jenis perhiasan manik tersebut dalam kehidupan masyarakat Lun Bawang?

Soalan 3: Apakah jenis perhiasan manik ini mempunyai nama khusus dalam bahasa Lun Bawang?

Soalan 4: Siapa yang biasanya memakai perhiasan manik ini – lelaki, wanita, atau kanak-kanak?

Soalan 5: Apakah bahan utama yang digunakan untuk menghasilkan perhiasan manik tersebut?

Soalan 6: Bagaimanakah reka bentuk atau corak pada perhiasan manik tersebut dihasilkan?

Soalan 7: Apakah perubahan dari segi jenis atau reka bentuk perhiasan manik dari dahulu hingga kini?

Soalan 8: Apakah manik ini masih digunakan dalam majlis-majlis adat atau upacara tertentu?

Soalan 9: Apakah perbezaan yang paling ketara antara jenis perhiasan manik tradisional dengan masa kini?

KEMAHIRAN KEARIFAN TEMPATAN SUKU KAUM LUN BAWANG DALAM PENGHASILAN SENI MANIK

Soalan 1: Bagaimanakah saudara/saudari mempelajari kemahiran membuat perhiasan seni manik ini?

Soalan 2: Siapakah yang biasanya mengajar kemahiran ini dalam masyarakat Lun Bawang?

Soalan 3: Apakah langkah-langkah utama dalam proses menghasilkan satu perhiasan manik?

Soalan 4: Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan satu jenis perhiasan manik?

Soalan 5: Apakah peralatan tradisional yang digunakan dalam penghasilan manik?

Soalan 6: Adakah peraturan, pantang larang, atau amalan tertentu yang perlu diikuti semasa membuat manik?

Soalan 7: Bagaimanakah pemilihan warna dan corak dilakukan?

Soalan 8: Apakah kemahiran penghasilan seni manik ini berbeza antara lelaki dan wanita dalam masyarakat Lun Bawang?

Soalan 9: Apakah setiap individu itu bebas untuk mencipta reka bentuk sendiri, atau perlu mengikut corak tradisional?

Soalan 10: Apakah perbezaan antara kemahiran membuat manik tradisional dengan teknik moden yang ada pada masa sekarang?

Soalan 11: Apakah upacara atau acara tertentu yang digunakan untuk mempamerkan kemahiran membuat manik ini?

KEMAHIRAN KEARIFAN TEMPATAN SUKU KAUM LUN BAWANG DALAM PENGHASILAN SENI MANIK

Soalan 1: Bagaimanakah saudara/saudari mempelajari kemahiran membuat perhiasan seni manik ini?

Soalan 2: Siapakah yang biasanya mengajar kemahiran ini dalam masyarakat Lun Bawang?

Soalan 3: Apakah langkah-langkah utama dalam proses menghasilkan satu perhiasan manik?

Soalan 4: Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan satu jenis perhiasan manik?

Soalan 5: Apakah peralatan tradisional yang digunakan dalam penghasilan manik?

Soalan 6: Adakah peraturan, pantang larang, atau amalan tertentu yang perlu diikuti semasa membuat manik?

Soalan 7: Bagaimanakah pemilihan warna dan corak dilakukan?

Soalan 8: Apakah kemahiran penghasilan seni manik ini berbeza antara lelaki dan wanita dalam masyarakat Lun Bawang?


Soalan 9: Apakah setiap individu itu bebas untuk mencipta reka bentuk sendiri, atau perlu mengikut corak tradisional?

Soalan 10: Apakah perbezaan antara kemahiran membuat manik tradisional dengan teknik moden yang ada pada masa sekarang?

Soalan 11:Apakah upacara atau acara tertentu yang digunakan untuk mempamerkan kemahiran membuat manik ini?



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Informan 1 : Lovelynna/Lipang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN